



JABATAN PERDANA MENTERI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA



SOROTAN STATISTIK EKONOMI MALAYSIA

SIRI 1 / 2022

JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS, MALAYSIA



JABATAN PERDANA MENTERI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

SOROTAN STATISTIK EKONOMI MALAYSIA

SIRI 1 / 2022

Pemakluman:

Jabatan Perangkaan Malaysia sedang menjalankan Survei Pendapatan, Perbelanjaan Isi Rumah dan Kemudahan Asas (HIES/BA) 2022 bermula dari 1 Januari 2022 sehingga 31 Disember 2022.

Dimaklumkan bahawa Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober setiap tahun.

Tema sambutan MyStats Day adalah
"Connecting the world with data we can trust"

Diterbitkan dan dicetak oleh:

Jabatan Perangkaan Malaysia
Blok C6, Kompleks C,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62514 Putrajaya,
MALAYSIA

Tel. : 03-8885 7000
Faks : 03-8888 9248
Portal : <https://www.dosm.gov.my>
Facebook : www.facebook.com/StatsMalaysia
Twitter : <http://twitter.com/StatsMalaysia>
Instagram : <http://instagram.com/StatsMalaysia>

Diterbitkan pada 28 Januari 2022.

Hakcipta terpelihara.

Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukar dalam apa-apa bentuk atau alat apa jua pun kecuali setelah mendapat kebenaran daripada Jabatan Perangkaan Malaysia. Pengguna yang mengeluarkan sebarang maklumat dari terbitan ini sama ada yang asal atau diolah semula hendaklah meletakkan kenyataan berikut:

“Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia”.

eISSN 2716-6813

ISI KANDUNGAN



TINTA KETUA PERANGKAWAN

02



PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN

04



SOROTAN PENTING

08



PERSPEKTIF KESELURUHAN

10



RENCANA

13



PERTANIAN

24



INDUSTRI DAN PEMBUATAN

29



PERKHIDMATAN

31



SEKTOR LUARAN

35



SENARIO BURUH

39



HARGA

43



WAY FORWARD

47



INDIKATOR EKONOMI

50



AHLI MESR

64



PENGHARGAAN

65

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) dengan sukacitanya mengalu-alukan semua pengguna dan pembaca ke siri pertama Sorotan Statistik Ekonomi Malaysia (MESR) pada tahun 2022. Di permulaan tahun baharu ini, saya merakamkan penghargaan atas galakan dan sokongan berterusan daripada semua pengguna dan pembaca yang membolehkan Jabatan mengeluarkan penemuan yang bersesuaian dan relevan dalam penerbitan ini. Edisi ini memberi tumpuan kepada prestasi ekonomi berdasarkan statistik terkini yang dikeluarkan pada bulan November dan beberapa sorotan mengenai statistik yang akan datang bagi Disember 2021. Di samping itu, sebuah artikel khas bertajuk “Kajian Kes FDI Sektor Pembuatan di Malaysia Terhadap Eksport Elektrik dan Elektronik (E&E)” turut dipaparkan yang memperihalkan kesan FDI sektor Pembuatan di Malaysia terhadap eksport E&E.

Tahun 2021 berakhir dengan bencana yang melanda negara di mana banjir besar telah memberi kesan kepada beberapa negeri di Malaysia. Di samping negara terus bergelut dengan impak pandemik COVID-19 terhadap penduduk dan perniagaan, bencana banjir yang berlaku telah mempengaruhi kehidupan yang menyebabkan kerosakan harta benda awam, infrastruktur, rumah dan premis perniagaan. DOSM secara konsisten menyebarkan statistik dan maklumat yang komprehensif berkaitan isu semasa dan susulan daripada itu survei mengenai kesan banjir telah dijalankan terhadap kawasan yang terjejas akibat bencana alam tersebut dan mendapati anggaran kerugian yang terlibat sebanyak RM6.1 bilion iaitu kira-kira 0.4 peratus daripada KDNK nominal negara. Selain itu, DOSM telah menerbitkan beberapa siri *newsletter* dengan maklumat mengenai kawasan-kawasan yang terjejas dan berharap maklumat tersebut dapat memberi manfaat kepada orang ramai.

Melihat kepada prestasi ekonomi terkini pada 2021, beberapa petunjuk utama telah menunjukkan arah aliran yang meningkat berbanding tahun sebelumnya. Prestasi eksport Malaysia kekal kukuh pada Disember 2021 dengan nilai eksport melebihi RM100 bilion, bulan keempat berturut-turut sejak September 2021, seiring dengan aktiviti ekonomi luaran dan domestik yang menggalakkan. Eksport pada Disember 2021 sekali lagi mencatat rekod baharu, mencecah RM123.8 bilion dan berkembang 29.2 peratus, tahun ke tahun. Pada masa yang sama, import juga mencatatkan pertumbuhan kukuh 23.6 peratus kepada RM92.9 bilion berbanding Disember 2020. Selaras dengan prestasi kukuh eksport dan import, jumlah dagangan melonjak 26.8 peratus kepada RM216.7 bilion berbanding bulan yang sama tahun 2020, menjadikan jumlah dagangan tertinggi yang pernah direkodkan iaitu RM2.2 trilion pada tahun 2021. Selari dengan itu, Indeks Pengeluaran Perindustrian (IPP) meningkat 9.4 peratus berbanding bulan yang sama tahun sebelumnya, disumbangkan oleh peningkatan dalam indeks Pembuatan (11.3%), indeks Elektrik (5.1%) dan indeks Perlombongan (3.7%). Jualan Pembuatan Malaysia mencatatkan pertumbuhan lebih tinggi sebanyak 18.8 peratus kepada RM142.4 bilion, dipacu oleh Produk Petroleum, Kimia, Getah & Plastik (29.0%), Makanan, Minuman & Produk Tembakau (20.7%) dan Produk Elektrik & Elektronik (17.8%). Jualan Perdagangan Borong & Runcit meningkat 7.0 peratus tahun ke tahun kepada RM118.1 bilion, disumbangkan oleh peningkatan jualan subsektor Perdagangan Borong (6.8%) manakala Perdagangan Runcit dan Kenderaan Bermotor masing-masing turut berkembang 6.7 peratus dan 8.6 peratus.

Dari segi harga, Indeks Harga Pengguna (IHP) merekodkan peningkatan sebanyak 3.3 peratus, melepasi paras purata inflasi jangka panjang sebanyak 1.6 peratus. Ini disumbangkan oleh kenaikan indeks Pengangkutan (12.7%); Perumahan, Air, Elektrik, Gas & Bahan Api Lain (3.4%); Makanan & Minuman Bukan Alkohol (2.7%); Hiasan, Perkakasan & Penyelenggaraan Isi Rumah (2.6%) dan Restoran & Hotel (0.9%). Indeks Harga Pengeluar (IHPR) juga meningkat sebanyak 12.6 peratus berbanding penurunan 3.0 peratus yang dicatatkan pada November tahun sebelumnya, didorong oleh lonjakan 71.2 peratus dalam indeks Perlombongan berbanding kejatuhan 45.8 peratus pada November 2020. Faktor lain yang turut menyumbang adalah peningkatan dalam indeks Pertanian, perhutanan & perikanan (19.1%), indeks Pembuatan (8.4%) dan indeks Bekalan air (0.2%). Dari sudut senario buruh pada November 2021, bilangan penduduk bekerja meningkat 414.2 ribu orang (2.7%) untuk mencatatkan 15.61 juta orang penduduk bekerja manakala kadar pengangguran turun kepada 4.3 peratus daripada 4.8 peratus pada November tahun sebelumnya.

Melihat prestasi ekonomi semasa di Malaysia, ekonomi pada suku keempat 2021 dijangka mengekalkan trajektori yang memberangsangkan walaupun berdepan pandemik COVID-19 dan bencana alam. Meskipun bencana banjir memberi kesan yang besar kepada aktiviti ekonomi khususnya di kawasan terjejas, unjuran pertumbuhan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) negara kekal di antara 3.0 peratus dan 4.0 peratus untuk 2021. Ini turut disokong oleh Indeks Pelopor (IP) pada November 2021 yang secara konsisten melebihi 100.0 mata dengan aliran menaik, menandakan ekonomi Malaysia memperoleh kembali momentum pemulihan. Secara optimis, momentum ekonomi disasarkan berkembang lebih baik pada tahun 2022 berikutan kesan strategi fiskal dan kewangan yang tertangguh dan didorong oleh pembukaan ekonomi penuh di mana semua negeri telah beralih ke fasa keempat Pelan Pemulihan Negara (PPN).


Akhir sekali, Jabatan Perangkaan Malaysia sedang menjalankan Survei Pendapatan, Perbelanjaan Isi Rumah dan Kemudahan Asas (HIES/BA) 2022 bermula dari 1 Januari 2022 sehingga 31 Disember 2022. DOSM amat menghargai kerjasama daripada responden yang terpilih untuk memberikan maklumat kepada pegawai DOSM serta menjayakan survei ini. Sila layari www.dosm.gov.my untuk maklumat lanjut.

Terima kasih.

DATO' SRI DR. MOHD UZIR MAHIDIN

Januari 2022

KRONOLOGI PKP 2020




KRONOLOGI PKP 2021

JAN

FEB

MAR

PKP/PKPB/PKPP



KRONOLOGI PKP 2021

APR

MEI

JUN

PKP/ PKPB/ PKPP

Pada 12 April 2021
Pengumuman
PKP oleh Menteri
Kanan Keselamatan

PKPP 15 - 28 April 2021

Perlis, Kedah (kecuali daerah Kuala Muda), Perak, Pahang, Terengganu, WP Putrajaya, Negeri Sembilan (kecuali daerah Seremban), Melaka, Sabah (kecuali daerah Lahad Datu, Tawau dan Keningau) dan WP Labuan.

PKPB 15 - 28 April 2021

Kedah (daerah Kuala Muda), Pulau Pinang, Kelantan (daerah Gua Musang), Selangor, WP Kuala Lumpur, Negeri Sembilan (daerah Seremban) dan Johor.

PKP 15 - 28 April 2021

Sabah (daerah Lahad Datu, Tawau dan Keningau).

Pada 13 April 2021

PKP 16 - 29 April 2021

Kelantan (Jajahan Kota Bharu, Pasir Mas, Pasir Puteh, Bachok, Machang, Tumpat dan Tanah Merah).

Pada 11 April 2021

Jawatankuasa
Pengurusan
Bencana Negeri (SDMC)

Pada 27 April 2021

PKPB: 29 April - 17 Mei 2021

Perlis, Kedah (kecuali daerah Kuala Muda), Perak, Pahang, Terengganu, WP Putrajaya, Negeri Sembilan (kecuali daerah Seremban), Melaka dan WP Labuan.

PKPB: 29 April - 17 Mei 2021

Kedah (daerah Kuala Muda, Pulau Pinang, Negeri Sembilan (daerah Seremban), Johor dan Sabah.

PKPB: 29 April - 5 Mei 2021

- Selangor

PKPB: 29 April - 6 Mei 2021

- WP Kuala Lumpur

PKP: 29 April - 17 Mei 2021

- Kelantan

Pada 26 April 2021
Jawatankuasa
Pengurusan
Bencana
Negeri (SDMC)

PKPB 27 - 17 Mei 2021

Pada 10 Mei 2021

Perutusan Khas
Perdana Menteri

PKP 3.0 : 12 Mei - 7 Jun 2021

- Seluruh Negara

Pada 4 Mei 2021

PKPB: 6 - 17 Mei 2021

daerah Sabak Bernam, Hulu Selangor and Kuala Selangor.

PKP: 6 - 17 Mei 2021

daerah Hulu Langat, Petaling, Gombak, Klang, Kuala Langat, dan Sepang.

Pada 5 Mei 2021

PKP: 7 - 20 Mei 2021

- WP Kuala Lumpur

Pada 22 Mei 2021

Sekatan tambahan bagi mengatikan prosedur operasi standard (SOP) Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 3.0 yang berkuatkuasa pada 25 Mei 2021.

Waktu operasi perniagaan

pusat beli-belah, kedai serbaneka, gerai, dobi dan stesen minyak (kecuali di lebuhraya) dihadkan dari pukul 8.00 pagi hingga 8.00 malam sahaja.

Pengangkutan awam

LRT dan bas dihadkan dengan hanya 50% kapasiti penumpang sahaja dengan kekerapan dikurangkan.

Kapasiti kehadiran pekerja bagi perkhidmatan awam

terhad kepada 20% keseluruhan (tidak termasuk perkhidmatan frontliners) dan 80% Bekerja Dari Rumah (BDR) berdasarkan Pekeliling atau Arahan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA).

Kapasiti kehadiran pekerja bagi sektor swasta

Termasuk operasi dan pengurusan hanya terhad kepada 60% sahaja pada satu-satu masa.

Pada 28 Mei 2021
Perutusan Khas
Perdana Menteri

PKP 3.0 : 1-14 Jun 2021

Penutupan penuh sektor sosial dan ekonomi atau 'total lockdown' Fasa Pertama di seluruh Negara.

Pada 11 Jun 2021

PKP 3.0 : 15-28 Jun 2021

Penutupan penuh sektor sosial dan ekonomi atau 'total lockdown' Fasa Pertama di seluruh negara yang bermula 1 Jun 2021, disambung lagi selama 14 hari

KRONOLOGI PKP 2021

JUL

OGOS

SEP

OKT

PKP/ PPN

Perutusan Khas Perdana Menteri Pada 28 Jun 2021	Pada 15 Ogos 2021 11 kegiatan ekonomi dibenar kembali beroperasi di bawah Fasa 1 PPN (berkuatkuasa 16 Ogos 2021) - Kedai cuci kereta - Kedai elektrik & elektronik - Kedai barangan rumah & peralatan dapur - Kedai peralatan sukan - Kedai aksesori kereta - Pusat pengedaran & jualan kereta - Kedai pakaian, fesyen & aksesori - Kedai barangan kemas - Kedai gunting rambut & pusat/salon kecantikan - Pasar pagi & pasar tani - Kedai perabot	Pada 19 Ogos 2021 Kemudahan tambahan sektor sosial dan ekonomi bagi individu vaksinasi lengkap (fasa 1 PPN dan seterusnya) berkuat kuasa: 20 Ogos 2021 Aktiviti dine-in bagi negeri-negeri fasa 1 PPN DIBENARKAN membawa anak-anak berusia 17 tahun dan ke bawah untuk dine-in di premis tersebut dengan mematuhi protokol kesihatan umum Operasi pasar malam & pasar minggu Pelanggan yang memasuki kawasan pasar malam/pasar minggu mesti menunjukkan kad/sijil digital vaksinasi COVID-19 Aktiviti sukan, rekreasi & riadah (tanpa sentuhan fizikal dan bukan berkumpulan) Masa 6.00 pagi – 10.00 malam Patuhi penjarakan fizikal dan dilakukan di kawasan terbuka (outdoor) termasuk separa terbuka Aktiviti di club-house: - Dine-in di restoran/kafe DIBENARKAN - Operasi bilik persalinan/bilik mandi TIDAK DIBENARKAN - Joging, senaman, taichi, berbasikal, skateboarding, memancing, ekuestrian, memanah, mendaki, tenis (single), badminton (single), golf, pemotoran & seumpamanya - Perkelahan & perkhemahan - Penyeritaan anak-anak berusia 17 tahun dan kebawah adalah DIBENARKAN dengan mematuhi SOP yang ketat	Pada 22 September 2021 Negeri Sembilan (bermula 24 September 2021) Pada 2 September 2021 Melaka (bermula 4 September 2021) Pada 8 September 2021 Selangor, W.P. Kuala Lumpur, W.P. Putrajaya (bermula 10 September 2021). Pada 2 September 2021 Negeri Sembilan (bermula 4 September 2021) Pada 15 September 2021 Terengganu (bermula 17 September 2021)	Pada 24 Ogos 2021 WP Labuan (bermula 26 Ogos 2021) Pada 16 Oktober 2021 Perak, Kelantan, Pulau Pinang, Kedah & Sabah (bermula 18 Oktober 2021)	Pada 6 Oktober 2021 Johor (bermula 8 Oktober 2021)
Pelan Pemulihan Negara Fasa 1 Penutupan penuh sektor sosial dan ekonomi atau 'total lockdown' Fasa Pertama (PKP 3.0) diteruskan di seluruh negara (PPN Fasa 1: berkuatkuasa 29 Jun 2021)	Pelan Pemulihan Negara Fasa 2 Pada 3 Julai 2021 Perlis, Kelantan, Terengganu, Pahang dan Perak (bermula 5 Julai 2021) Pada 5 Julai 2021 Pulau Pinang (bermula 7 Julai 2021) Pada 8 Julai 2021 Sabah (bermula 10 Julai 2021) Pada 12 Julai 2021 Sarawak (bermula 14 Julai 2021)	Pelan Pemulihan Negara Fasa 3 Pada 14 Ogos 2021 Perlis, Sarawak dan WP Labuan (bermula 16 Ogos 2021)	Pelan Pemulihan Negara Fasa 4 Pada 24 Ogos 2021 WP Labuan (bermula 26 Ogos 2021)	Pelan Pemulihan Negara Fasa 3 Pada 6 Oktober 2021 Johor (bermula 8 Oktober 2021)	Pelan Pemulihan Negara Fasa 3 Pada 16 Oktober 2021 WP Kuala Lumpur, WP Putrajaya, Selangor & Melaka (bermula 18 Oktober 2021)

- Ekonomi Malaysia diunjurkan bertumbuh 5.8 peratus pada 2022 berdasarkan Laporan Global Economic Prospect yang dikeluarkan oleh World Bank pada Januari 2022. Prospek ekonomi yang menggalakkan ini dijangka akan dipacu oleh peningkatan semula permintaan domestik dan pengembangan yang berterusan bagi industri yang berorientasikan eksport.
- Pengeluaran getah asli menurun 25.8 peratus secara tahunan kepada 31,577 tan metrik pada November 2021 berbanding tahun sebelumnya (November 2020: 42,554 tan metrik). Begitu juga, perbandingan bulanan turut menunjukkan penurunan 26.8 peratus dalam pengeluaran getah asli berbanding 43,127 tan metrik pada Oktober 2021. Pada Disember 2021, pengeluaran buah tandan segar menunjukkan peningkatan 6.5 peratus tahun ke tahun kepada 7,225,727 tan metrik berbanding Disember 2020 (6,784,673 tan metrik). Walau bagaimanapun, perbandingan dengan bulan sebelumnya, pengeluaran buah tandan segar mencatatkan penurunan kepada 11.0 peratus berbanding 8,114,872 tan metrik pada November 2021.
- Pada November 2021, Indeks Pengeluaran Perindustrian (IPP) meningkat 9.4 peratus berbanding bulan yang sama pada tahun sebelumnya. Peningkatan IPP ini disumbangkan oleh kenaikan 11.3 peratus dalam indeks Pembuatan, 5.1 peratus dalam indeks Elektrik dan 3.7 peratus dalam indeks Perlombongan.
- Pada masa yang sama, nilai jualan sektor Pembuatan Malaysia pada November 2021 berjumlah RM142.4 bilion, mencatatkan pertumbuhan yang lebih tinggi iaitu 18.8 peratus (Oktober 2021: 15.3%) berbanding bulan yang sama pada 2020. Pertumbuhan dalam nilai jualan dipacu oleh Produk Petroleum, Kimia, Getah & Plastik (29.0%), Produk Makanan, Minuman & Tembakau (20.7%) dan Produk Elektrik & Elektronik (17.8%).
- Selain itu, prestasi nilai jualan Perdagangan Borong & Runcit meningkat 7.0 peratus tahun ke tahun pada November 2021 untuk merekodkan nilai jualan tertinggi RM118.1 bilion. Peningkatan dalam nilai jualan Perdagangan Borong & Runcit disumbangkan oleh peningkatan 6.8 peratus atau RM3.6 bilion dalam subsektor Perdagangan Borong kepada RM56.3 bilion pada November 2021. Nilai jualan Perdagangan Runcit juga berkembang 6.7 peratus atau RM3.0 bilion kepada RM47.8 bilion. Dalam tempoh yang sama, nilai jualan Kenderaan Bermotor meningkat 8.6 peratus atau RM1.1 bilion kepada RM13.9 bilion.
- Bagi Indeks Harga Pengguna, inflasi menunjukkan peningkatan 3.3 peratus pada November 2021 dan melepasi paras purata jangka panjang inflasi, iaitu 1.6 peratus. Peningkatan keseluruhan ini disumbangkan oleh kenaikan indeks bagi lima kumpulan utama iaitu Pengangkutan (12.7%); Perumahan, Air, Elektrik, Gas & Bahan Api Lain (3.4%); Makanan & Minuman Bukan Alkohol (2.7%); Hiasan, Perkakasan & Penyelenggaraan Isi Rumah (2.6%) dan Restoran & Hotel (0.9%).
- Pada masa yang sama, Indeks Harga Pengeluar (IHPR) mencatatkan peningkatan 12.6 peratus pada November 2021 berbanding penurunan 3.0 peratus yang direkodkan pada bulan yang sama tahun sebelumnya. Bagi perbandingan tahunan, peningkatan IHPR pengeluaran tempatan pada bulan November 2021 disumbangkan oleh indeks Perlombongan yang melonjak 71.2 peratus berbanding kejatuhan 45.8 peratus yang dicatatkan pada November 2020. Ini diikuti oleh indeks Pertanian, perhutanan & perikanan yang turut meningkat namun pada kadar yang lebih perlahan iaitu 19.1 peratus, indeks Pembuatan meningkat 8.4 peratus dan indeks Bekalan air meningkat secara marginal 0.2 peratus. Walau bagaimanapun, indeks Bekalan elektrik & gas menurun 0.3 peratus.
- Prestasi eksport Malaysia kekal kukuh pada Disember 2021 dengan nilai eksport melebihi RM100 bilion, bulan keempat berturut-turut sejak September 2021, seiring dengan aktiviti ekonomi luaran dan domestik yang menggalakkan. Eksport pada Disember 2021 sekali lagi mencatat rekod baharu, mencecah RM123.8 bilion dan berkembang 29.2 peratus, tahun ke tahun. Pada masa yang sama, import juga mencatatkan pertumbuhan kukuh 23.6 peratus kepada RM92.9 bilion berbanding Disember 2020. Selaras dengan prestasi kukuh eksport dan import, jumlah dagangan melonjak 26.8 peratus kepada RM216.7 bilion berbanding bulan yang sama tahun 2020, menjadikan jumlah dagangan tertinggi yang pernah direkodkan iaitu RM2.2 trilion pada tahun 2021.

- Melihat kepada kedudukan guna tenaga pada November 2021, bilangan penduduk bekerja terus meningkat 2.7 peratus atau 414.2 ribu penduduk bekerja kepada 15.61 juta penduduk bekerja (November 2020: 15.20 juta orang). Nisbah guna tenaga kepada penduduk yang menunjukkan keupayaan sesebuah ekonomi untuk mewujudkan pekerjaan naik 0.9 mata peratus kepada 66.0 peratus (November 2020: 65.1%). Sementara itu, kadar pengangguran turun 0.5 mata peratus kepada 4.3 peratus daripada 4.8 peratus yang direkodkan pada November 2020.
- Prestasi Indeks Pelopor (IP) kekal optimistik dengan mencatatkan 111.3 mata pada November 2021 (November 2020: 109.4 mata) apabila ekonomi beransur pulih daripada gangguan akibat pandemik COVID-19. Dengan mengekalkan paras indeks melepasi 100.0 mata dan bergerak ke atas, IP memberi isyarat bahawa Malaysia sedang menuju ke arah pemulihan ekonomi yang lebih baik pada bulan-bulan akan datang.

Ekonomi Dunia

Berhadapan tempoh pandemik global ini, tahun 2021 merupakan tahun yang mencabar bagi semua negara dalam usaha memulihkan kemelesetan ekonomi dan Malaysia juga tidak terkecuali dalam menguruskan dua matlamat utama iaitu menyelamatkan nyawa dan merangsang pemulihan ekonomi. Penularan varian berjangkit Omicron telah menjadi cabaran kepada semua negara dalam usaha memulihkan dan membangunkan semula ekonomi negara. Laporan Global Economic Prospect yang dikeluarkan oleh World Bank pada Januari 2022 melaporkan bahawa ekonomi Malaysia diunjurkan bertumbuh 5.8 peratus pada tahun 2022. Prestasi ekonomi yang memberangsangkan ini dijangka akan didorong oleh peningkatan semula permintaan domestik dan pengembangan yang berterusan dalam industri berorientasikan eksport. Pada masa yang sama, ekonomi global diunjurkan menyederhana daripada 5.5 peratus pada tahun 2021 kepada 4.1 peratus pada 2022 dan 3.2 peratus pada 2023.

Office for National Statistics (ONS) United Kingdom (UK) telah menganggarkan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) meningkat 0.1 peratus pada Oktober 2021, yang mana masih berada di bawah paras pra-pandemik COVID-19 (Februari 2020). Sektor Perkhidmatan bertumbuh 0.4 peratus pada bulan Oktober 2021 disumbangkan terutamanya oleh perkhidmatan kesihatan yang meningkat sebanyak 3.5 peratus. Sementara itu, output pengeluaran mencatatkan penyusutan 0.6 peratus dipengaruhi oleh elektrik & gas dan perlombongan & pengkuarian dengan masing-masing menyusut 2.9 peratus dan 5.0 peratus. Di samping itu, output pembinaan turut merekodkan penurunan sebanyak 1.8 peratus pada Oktober 2021 (September 2021: 1.3%), mencecah paras terendah sejak April 2020 dalam sektor Pembinaan.

Ekonomi Canada merekodkan pertumbuhan sebanyak 0.8 peratus pada bulan Oktober 2021 berbanding 0.2 peratus pada September 2021. Sektor Pembuatan meningkat sebanyak 1.8 peratus pada Oktober lalu, didorong oleh pertumbuhan pembuatan barangan tahan lama dan tidak tahan lama. Sementara itu, sektor Pembinaan meningkat 1.6 peratus pada bulan Oktober setelah mencatatkan penurunan lima bulan sebelumnya. Prestasi yang lebih baik ini disokong oleh pertumbuhan subsektor bangunan kediaman (2.0%) dan bukan kediaman (1.3%). Disamping itu, sektor Perlombongan, pengkuarian dan pengekstrakan minyak dan gas meningkat 1.5 peratus pada bulan Oktober 2021.

Anggaran awalan di wilayah ASEAN menjangkakan ekonomi Singapore berkembang 5.9 peratus tahun ke tahun pada suku tahun keempat 2021, berbanding pertumbuhan 7.1 peratus pada suku tahun sebelumnya. Pertumbuhan ini didorong oleh prestasi kukuh sektor Pembuatan yang meningkat 14.0 peratus setelah merekodkan 7.9 peratus pada suku tahun ketiga. Di samping itu, sektor Pembinaan mencatatkan pertumbuhan sederhana 2.0 peratus berbanding suku tahun sebelumnya. Secara keseluruhan, ekonomi Singapore berkembang 7.2 peratus pada 2021 berbanding penguncupan 5.4 peratus pada tahun 2020.

Ekonomi Malaysia


Pada suku tahun pertama 2021, ekonomi Malaysia menyusut secara marginal 0.5 peratus berbanding penurunan 3.4 peratus pada suku tahun keempat 2020. Semua sektor ekonomi pada suku ini merekodkan prestasi yang lebih baik berbanding dua suku tahun sebelum ini. Pada suku tahun kedua 2021, KDNK Malaysia melonjak kepada 16.1 peratus menjadikan ekonomi Malaysia bertumbuh 7.1 peratus pada separuh pertama tahun 2021 berbanding penurunan 8.4 peratus pada separuh pertama tahun terdahulu. Walau bagaimanapun, peningkatan kes COVID-19 kesan kemunculan varian baharu yang lebih berbahaya, langkah kawalan pergerakan yang lebih ketat telah dilaksanakan bagi mengekang lonjakan kes. Ini telah memberi kesan kepada prestasi ekonomi negara di mana KDNK Malaysia merekodkan penguncupan 4.5 peratus pada suku tahun ketiga 2021.

Mengakhiri tahun 2021, lebih banyak aktiviti ekonomi, sosial dan rekreasi telah beroperasi semula apabila kesemua negeri telah beralih ke Fasa 4 Pelan Pemulihan Negara (PPN). Kelonggaran pergerakan merentas negeri telah memberi kesan yang signifikan terutamanya kepada industri pelancongan domestik. Perkembangan positif ini membolehkan peniaga memulihkan momentum perniagaan dan sekaligus berupaya memacu proses pemulihan ekonomi di Malaysia.

Nilai jualan sektor Pembuatan Malaysia berjumlah RM142.4 bilion pada bulan November 2021, meningkat 18.8 peratus berbanding RM119.9 bilion yang direkodkan tahun sebelumnya. Pada masa yang sama, Indeks Pengeluaran Perindustrian (IPP) meningkat 9.4 peratus pada November 2021 yang disumbangkan oleh kenaikan 11.3 peratus dalam indeks Pembuatan, 5.1 peratus dalam indeks Elektrik dan 3.7 peratus dalam indeks Perlombongan.

Indikator bagi sektor Perkhidmatan pula menunjukkan nilai jualan bagi Perdagangan Borong & Runcit bertumbuh sebanyak 7.0 peratus tahun ke tahun, disumbangkan oleh subsektor Kenderaan Bermotor (8.6%), Perdagangan Borong (6.8%) dan Perdagangan Runcit (6.7%). Merujuk kepada indeks volum pula, Perdagangan Borong & Runcit mencatatkan pertumbuhan 2.9 peratus tahun ke tahun, yang disokong oleh Kenderaan Bermotor (5.2%), Perdagangan Runcit (3.3%) dan Perdagangan Borong (1.4%).

Carta 1: Pertumbuhan Tahun ke Tahun Indeks Pengeluaran Perindustrian, Indeks Perdagangan Borong & Runcit, Eksport Barangan, Januari 2020 - November 2021 (%)




Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Prestasi eksport Malaysia kekal kukuh pada Disember 2021 dengan nilai eksport melebihi RM100 bilion, bulan keempat berturut-turut sejak September 2021, seiring dengan aktiviti ekonomi luaran dan domestik yang menggalakkan. Eksport pada Disember 2021 sekali lagi mencatat rekod baharu, mencecah RM123.8 bilion dan berkembang 29.2 peratus, tahun ke tahun. Pada masa yang sama, import juga mencatatkan pertumbuhan kukuh 23.6 peratus kepada RM92.9 bilion berbanding Disember 2020. Selaras dengan prestasi kukuh eksport dan import, jumlah dagangan melonjak 26.8 peratus kepada RM216.7 bilion berbanding bulan yang sama tahun 2020, menjadikan jumlah dagangan tertinggi yang pernah direkodkan iaitu RM2.2 trilion pada tahun 2021.

Berdasarkan kepada senario semasa ekonomi Malaysia, prestasi ekonomi suku keempat tahun 2021 dijangka meneruskan momentum yang memberangsangkan meskipun masih bergelut dengan pandemik COVID-19 dan bencana alam secara serentak. Hujan lebat di wilayah tengah dan pantai timur negara pada Disember 2021 telah menyebabkan banjir besar di beberapa negeri. Sehubungan itu, DOSM telah menjalankan survei impak bencana banjir yang melibatkan 60 daerah di seluruh negara. Jumlah kerugian yang ditanggung ialah RM6.1 bilion iaitu bersamaan dengan 0.4 peratus daripada KDNK nominal negara. Aset dan infrastruktur awam paling terjejas akibat kejadian itu, berjumlah RM2.0 bilion. Dari sudut impak kepada industri, bencana alam itu menyebabkan kerugian dianggarkan RM1.5 bilion.

Carta 2: Indeks Pelopor (2015=100) dan Kitaran Perniagaan (Kawasan Berlorek Kelabu), Januari 1991 hingga November 2021



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Indeks Pelopor (IP) November 2021 menandakan ekonomi Malaysia memperoleh kembali momentum pemulihan pada bulan-bulan akan datang seperti yang ditunjukkan oleh aras IP yang secara konsisten melebihi 100.0 mata dengan aliran menaik. IP terus mencatatkan pertumbuhan pada November 2021 daripada tahun sebelumnya dengan mencatatkan 1.7 peratus pada bulan rujukan. Berasaskan bulanan, IP mengikuti trend yang sama dengan mencatatkan 1.6 peratus pada November 2021. Bagaimanapun, banjir yang melanda Malaysia baru-baru ini dijangka mempengaruhi semua lapisan masyarakat dan seterusnya menyebabkan kerugian ekonomi di negeri-negeri yang terjejas, menambahkan lagi kesengsaraan semasa yang berpunca daripada krisis pandemik.

Kajian Kes FDI dalam Sektor Pembuatan di Malaysia terhadap Eksport Elektrik dan Elektronik (E&E)

Noraniza Ibrahim¹; Zuradi Jusoh²

^{1,2}Bahagian Perangkaan Imbangan Pembayaran, Jabatan Perangkaan Malaysia

1. PENGENALAN


Eksport Elektrik dan Elektronik (E&E) di Malaysia

Industri elektrik dan elektronik (E&E) merupakan pemacu utama pembangunan perindustrian Malaysia dan menyumbang secara ketara kepada pertumbuhan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK), pekerjaan, pendapatan eksport dan pelaburan. Malaysia adalah antara penyumbang utama perdagangan semikonduktor di seluruh dunia dengan destinasi eksport utamanya ialah China, United State of America (USA), Singapore dan Hong Kong. Industri E&E disasarkan di bawah Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA), memfokuskan kepada aktiviti pembuatan yang bernilai tinggi dan mempunyai pertumbuhan tinggi untuk menggerakkan negara ke arah ekonomi berpendapatan tinggi. Industri ini diklasifikasikan kepada empat subsektor berdasarkan Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA), iaitu komponen elektronik, elektronik pengguna, elektronik industri dan produk elektrik:

- **komponen elektronik** - Semikonduktor, komponen pasif, papan litar bercetak, bahagian bercop logam dan bahagian plastik ketepatan
- **elektronik pengguna** - Produk audiovisual seperti penerima televisyen, pemain multimedia mudah alih (PMP), pembesar suara, kamera dan permainan elektronik
- **elektronik industri** - Produk multimedia dan teknologi maklumat seperti komputer dan perkakasan komputer, peralatan telekomunikasi dan peralatan pejabat.
- **produk elektrik** - Litar, panel dan konsol, radas pensuisan, lampu, penghawa dingin, pembersih vakum, ketuhar, transformer, kabel & wayar, sel utama & bateri, sel solar dan modul

Selaras dengan Revolusi Industri 4.0 (IR 4.0) serta Internet of Things (IoT), kemajuan teknologi Malaysia seiring dengan pembangunan sektor E&E. Tambahan pula, industri ini memainkan peranan penting dalam kepesatan perindustrian dan berada di tahap tertinggi di kalangan negara dagangan terkemuka dunia. Di bawah ialah ilustrasi evolusi E&E di Malaysia (**Paparan 1a**).

Paparan 1a: Evolusi E&E di Malaysia



Sumber: Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA)

Industri E&E pada masa kini berintensifkan buruh. Berdasarkan statistik yang diterbitkan oleh DOSM, dilaporkan bahawa 20.3 peratus daripada jumlah pekerja bergaji dalam sektor Pembuatan terlibat dalam subsektor produk E&E bagi tahun 2020. Majoriti syarikat E&E tempatan yang disenaraikan di Bursa Malaysia terlibat dalam pertengahan ke penghujung rantai nilai, menyediakan bekalan kepada pengeluar semikonduktor luar negara, merupakan pemilik jenama, pemaju dan pereka litar bersepadu (IC).


Menurut laporan *World Semiconductor Trade Statistics* (2020), jualan pasaran semikonduktor di seluruh dunia meningkat sebanyak 6.8 peratus dengan merekodkan USD440 bilion pada 2020. Ini dicerminkan melalui pertumbuhan semua kategori produk utama, kecuali Optoelektronik dan Semikonduktor Diskret. Penyumbang utama ialah Logik dengan 11.1 peratus, diikuti oleh Sensor dengan 10.7 peratus dan Memori dengan 10.4 peratus. Americas Region mencatatkan pertumbuhan yang sangat ketara sebanyak 21.3 peratus, manakala Europe menunjukkan penurunan pasaran sebanyak 5.8 peratus. Sebaliknya, Japan dan Asia Pasifik masing-masing mempunyai kadar pertumbuhan positif satu digit.

Kesan pandemik COVID-19 kepada dunia pada awal tahun 2020 amat ketara, mengancam kesihatan dan kesejahteraan rakyat serta mengganggu aktiviti ekonomi. Pandemik ini juga menyebabkan ketidakpastian perdagangan global yang menjejaskan ekonomi Malaysia secara signifikan apabila negara mengalami penurunan ketara dalam eksport E&E. Namun, bermula pada bulan Mei, sebahagian besar eksport mengalami pemulihan melalui dasar kerajaan yang menggalakkan dan daya tahan keseluruhan rantai nilai global E&E. Pandemik global dan ketegangan perdagangan yang berterusan antara China dan USA merupakan peluang untuk Malaysia mengembangkan eksport E&E bagi jangka sederhana dan jangka panjang (M. Philip et al., 2021).

Produk E&E pada 2020 menyumbang 39.3 peratus kepada keseluruhan eksport Malaysia atau RM386.3 bilion seperti yang ditunjukkan dalam **Carta 1a**, meningkat 3.5 peratus berbanding tahun sebelumnya, mewakili 27.3 peratus daripada KDNK (pada harga semasa). Eksport litar bersepadu elektronik yang lebih tinggi menyumbang kepada peningkatan radas untuk penghantaran atau penerimaan suara, imej dan data, dan alat ganti untuk litar bersepadu elektronik bagi memenuhi keperluan bekerja dari rumah. Alat ganti & aksesori untuk komputer, alat ganti & aksesori set telefon & peralatan telekomunikasi lain, komputer dan lain-lain turut menyumbang kepada peningkatan eksport produk E&E. Berdasarkan pemerhatian, perluasan produk E&E terutamanya ke Singapore, China, Hong Kong, Republic of Korea, Viet Nam dan USA.

Menurut *Economic Outlook* 2021, perdagangan luar Malaysia dijangka kekal sederhana pada 2021, dengan eksport meningkat semula sebanyak 2.7 peratus. Eksport barangan pembuatan dijangka meningkat sebanyak 2.5 peratus, disokong oleh permintaan produk E&E dan produk bukan E&E yang tinggi. Sementara itu, *World Semiconductor Trade Statistics* telah mengunjurkan peningkatan 19.7 peratus bagi sektor semikonduktor global dengan nilai USD527 bilion (RM2.19 trilion) pada 2021, diikuti pertumbuhan 8.8 peratus kepada USD573 bilion (RM2.38 trilion) pada 2022.

Carta 1a: Eksport Elektrik dan Elektronik (E&E) di Malaysia, 2000 – 2020



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Tinjauan FDI di Malaysia

Pelaburan Langsung Asing (FDI) memainkan peranan penting dalam integrasi ekonomi antarabangsa dan peningkatan pertumbuhan serta pembangunan ekonomi negara. Bagi mengekalkan pertumbuhan ekonomi, kebanyakan negara menggalakkan FDI kerana kesan positifnya terhadap pembolehubah makroekonomi seperti pekerjaan, imbalan pembayaran, kapasiti pengeluaran dan harga secara umumnya (Demirsel et al. 2014). Berdasarkan *Global Investment Competitiveness Report 2017/2018*, FDI mempunyai potensi dalam memberikan manfaat kepada ekonomi tempatan, seperti pemindahan teknologi, kemahiran pengurusan organisasi yang kukuh, akses yang lebih baik dalam pasaran asing dan kepelbagaian eksport. Selain itu, pengetahuan dan kepakaran yang luas yang dibawa oleh pelabur asing berupaya memberikan limpahan positif kepada ekonomi negara tuan rumah (World Bank, 2018).


Terletak di lokasi strategik di Asia Pasifik dan di tengah-tengah Asia Tenggara, Malaysia terus menjadi destinasi pelaburan yang menarik di kalangan pelabur asing. Berdasarkan Prosiding OECD (1999) bertajuk "*Foreign Direct Investment and Recovery in Southeast Asia*", Malaysia dan Thailand merupakan negara paling terbuka di antara negara-negara membangun yang mengalu-alukan pelaburan asing. Ekonomi Malaysia telah berubah dengan jayanya dalam tempoh sedekad, daripada komoditi kepada sektor pembuatan. Transformasi ini nampak lebih ketara dari segi perdagangan, di mana eksport komoditi, terutamanya getah dan timah, telah beralih kepada produk pembuatan, terutamanya dalam barangan elektronik. Usaha untuk menarik pelabur asing telah lama bermula berbanding negara-negara lain di rantau ini. Pada tahun 1990-an, Malaysia menduduki tempat kelima belas penerima FDI terbesar di seluruh dunia dan menduduki tempat keempat di kalangan negara bukan OECD iaitu selepas China, Brazil dan Singapore.

Malaysia masih dianggap sebagai destinasi pelaburan yang menggalakkan di tengah-tengah keadaan ekonomi yang tidak menentu pada tahun 2020, dan terbukti dengan kedudukannya di ekonomi global. *The DHL Global Connectedness Index (GCI) 2020* menyatakan bahawa Malaysia menduduki tempat kedua tertinggi di Asia Tenggara dan negara keenam belas paling banyak berhubung di peringkat global (daripada 169 negara). Sementara itu, negara berada di kedudukan kedua belas di kalangan 190 ekonomi oleh World Bank dalam laporan *Doing Business 2020* (2019), yang bertambah baik daripada kedudukan kelima belas pada 2018.

Sebagai langkah untuk menggalakkan dan menarik lebih banyak FDI ke Malaysia, kerajaan telah memperkenalkan banyak insentif dan kelebihan kepada pelabur asing. Insentif yang disediakan adalah untuk membentuk manfaat daripada pelabur asing dan menentukan hala tuju pelaburan, terutamanya ke arah industri yang memerlukan pelaburan. Berdasarkan Perjanjian Pengelakan Pencukaian Dua Kali (PPPDK) terkini yang diterbitkan oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDN), Malaysia telah memeterai perjanjian PPPDK dengan lebih daripada 70 negara. Selain itu, Malaysia juga menyediakan pelbagai insentif cukai untuk pelaburan baharu, seperti Akta Penggalakan Pelaburan 1986, Akta Cukai Pendapatan 1967, Akta Kastam 1967, Akta Eksais 1976 dan Akta Zon Bebas 1990, seperti yang disenaraikan dalam laman web rasmi MIDA. Seterusnya, beberapa insentif telah diperkenalkan terutamanya bagi sektor Pembuatan seperti Taraf Perintis, Elaun Cukai Pelaburan, Insentif untuk Syarikat Teknologi Tinggi dan Insentif untuk Projek Strategik.

Kerajaan Malaysia melihat sektor Pembuatan sebagai pemacu utama pertumbuhan ekonomi dan pemangkin untuk pertumbuhan KDNK. Majoriti projek tertumpu kepada industri yang bernilai dan mempunyai pertumbuhan tinggi. Ini terbukti melalui bilangan projek pembuatan yang diluluskan oleh MIDA pada 2020 yang meningkat sebanyak 6.2 peratus kepada 1,049 projek dari 988 projek pada tahun sebelumnya. Projek yang diluluskan bernilai RM91.3 bilion, di mana RM56.6 bilion atau 62.0 peratus disumbangkan oleh pelaburan asing dalam sektor Pembuatan, manakala selebihnya adalah daripada pelaburan domestik. Menurut DOSM, jumlah orang yang bekerja dalam sektor Pembuatan pada akhir tahun 2020 adalah 2.22 juta orang, mewakili 14.7 peratus daripada jumlah yang bekerja di Malaysia dengan purata gaji & upah bulanan sebanyak RM3,521 dibayar bagi setiap pekerja.


Carta 1b: Prestasi FDI di Malaysia, 2001 – 2020



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Berdasarkan statistik siri masa prestasi FDI dari 2001 hingga 2020 yang dikeluarkan oleh DOSM, aliran FDI di Malaysia telah berada dalam aliran menaik, seperti yang digambarkan di **Carta 1b**. Aliran FDI terendah sejak 2001 (RM2.1 bilion) dicatatkan pada tahun 2009, yang jatuh kepada aliran masuk bersih sebanyak RM5.1 bilion. Ini adalah kesan Kemelesetan Global yang bermula pada akhir tahun 2007 dan berakhir pada pertengahan tahun 2009. Sebaliknya, FDI mencatatkan pelaburan tertinggi pada 2016 dengan nilai RM47.0 bilion, didorong oleh pelaburan yang lebih tinggi dalam aktiviti kewangan. Pada 2020, aliran FDI ke Malaysia mencatatkan nilai yang lebih rendah pada RM14.6 bilion berbanding RM32.4 bilion pada tahun sebelumnya disebabkan oleh ekonomi global yang tidak menentu berikutan krisis kesihatan. Walaupun nilai aliran masuk FDI menurun sebanyak 54.8 peratus, FDI terkumpul di Malaysia pada akhir 2020 meningkat kepada RM698.8 bilion (akhir 2019: RM687.8 bilion), disumbangkan terutamanya oleh sektor Pembuatan terutamanya di produk Elektrik dan elektronik, diikuti oleh aktiviti Kewangan dan sektor Perlombongan.

Carta 1c: Aliran FDI di Malaysia mengikut Sektor, 2008 – 2020



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Aktiviti ekonomi di Malaysia telah beralih daripada sektor Pembuatan kepada sektor berasaskan Perkhidmatan pada tahun 2000-an. Merujuk kepada aliran FDI di Malaysia mengikut sektor di **Carta 1c**, sektor Perkhidmatan di Malaysia terus berkembang pada 2016 dengan RM23.9 bilion atau 50.9 peratus daripada jumlah keseluruhan aliran FDI (RM47.0 bilion), khususnya dalam aktiviti Kewangan. Sektor Pembuatan merupakan penyumbang kedua terbesar selepas sektor Perkhidmatan. Sektor Pembuatan mencatatkan prestasi tertinggi pada tahun 2015 dengan nilai RM17.2 bilion terutamanya dari pelaburan dalam ekuiti & saham dana pelaburan yang lebih tinggi subsektor Elektrik & elektronik dan Petroleum & produk kimia. Walau bagaimanapun, FDI dalam sektor Pembuatan mengalami penurunan sedikit pada 2020, daripada RM7.7 bilion pada tahun sebelumnya kepada RM 6.9 bilion disebabkan oleh krisis kesihatan yang melanda negara dalam tempoh tersebut. Walaupun sektor Perkhidmatan telah menjadi penyumbang utama kepada aliran FDI sejak beberapa tahun kebelakangan ini, sektor Pembuatan kekal sebagai tarikan utama pelabur asing. Ini dapat dibuktikan dengan statistik jumlah pelaburan asing yang diluluskan oleh MIDA di mana sektor Pembuatan terus meningkat hampir setiap tahun. Di samping itu, statistik menunjukkan bahawa pada tahun 2020, sektor Pembuatan merupakan penyumbang utama dengan nilai RM91.3 bilion (55.7%), manakala sektor Perkhidmatan ialah RM66.7 bilion (40.7%). Berdasarkan jumlah ini, 62.0 peratus daripada jumlah sektor Pembuatan disumbangkan oleh pelabur asing. Menurut statistik Kedudukan Pelaburan Antarabangsa (IIP) DOSM, pada akhir 2020, sektor Pembuatan mencatatkan pelaburan yang lebih tinggi sebanyak RM274.2 bilion berbanding RM271.4 bilion pada tahun sebelumnya, terutamanya dalam produk E&E.

Malaysia mengalami aliran FDI yang tidak menentu dalam beberapa tahun kebelakangan ini yang turut memberi kesan terhadap aliran masuk kepada sektor Pembuatan, tetapi prestasi eksport E&E telah menunjukkan peningkatan yang konsisten. Melihat kepada situasi ini, kajian ini dijalankan dengan tujuan utama untuk mengenal pasti hubungan jangka pendek dan jangka panjang antara eksport E&E dan aliran FDI dalam sektor Pembuatan; serta untuk menilai kesan FDI sektor Pembuatan terhadap prestasi eksport E&E di Malaysia.

2. Sorotan Kajian

Pelbagai kajian tertumpu kepada kesan FDI ke atas pertumbuhan ekonomi atau KDNK dan penentu FDI dalam sektor Pembuatan. Kajian empirikal yang tersedia mengenai kesan FDI sektor Pembuatan terhadap eksport, khususnya bagi produk E&E adalah sangat terhad, terutamanya dalam kes Malaysia. Menurut Yee et al. (2016), yang memetik kajian daripada Joshi dan Rakesh pada tahun 2005, eksport ditakrifkan sebagai menjual barangan dan perkhidmatan yang dihasilkan di negara asal tuan rumah kepada pasaran lain dalam perdagangan antarabangsa.

FDI mempengaruhi pertumbuhan ekonomi dengan meningkatkan faktor produktiviti dan kecekapan penggunaan sumber oleh negara penerima. Menurut OECD (2002), bergantung kepada konteks, FDI menyumbang kepada peningkatan eksport dalam jangka pendek dan sederhana, yang bergantung kepada konteks. Sebagai contoh, aliran masuk FDI membantu negara tuan rumah melalui penganugerahan sumber dan lokasi geografi.

Kajian oleh Banga (2007) telah menunjukkan bahawa FDI boleh meningkatkan eksport di negara tuan rumah, meyakinkan pasaran sedia ada, dan mengurangkan risiko yang berkaitan dengan pelaburan. Menurut Yee et al. (2016), dasar dan aktiviti yang berkesan serta berfaedah boleh digunakan untuk meningkatkan eksport. Peningkatan aktiviti perdagangan akan memberi kesan ketara kepada peningkatan perdagangan negara apabila terdapat lebih banyak peluang dalam membuka pasaran baharu. Selain itu, saringan FDI akan digunakan untuk mengawal kualiti aliran masuk FDI. Kaedah ini juga penting bagi menjamin pelaburan dapat merangsang dan meningkatkan daya saing eksport. Di Malaysia, Fook (2011) mengenal pasti terdapat hubungan jangka pendek dan panjang bagi FDI dan KDNK dunia terhadap eksport E&E di Malaysia, manakala kadar pertukaran sebenar mempunyai korelasi songsang dengan eksport E&E.

Beberapa kajian telah menunjukkan peranan aliran masuk FDI dalam meningkatkan eksport E&E Malaysia. Menurut Yong dan Yeoh (2020), aliran masuk FDI dari China dan kadar pertukaran matawang USA memberi kesan ketara terhadap eksport E&E di Malaysia. Malah, ia disokong oleh kestabilan dalam negara dan dasar kerajaan. Menurut pandangan Wong dan Tang (2007), tidak wujud hubungan jangka masa panjang antara aliran masuk FDI dan lima eksport elektronik tertinggi mengikut kumpulan produk *Standard International Trade Classification* (SITC), iaitu (i) peranti semikonduktor, (ii) peralatan pemprosesan data automatik, (iii) peralatan telekomunikasi, alat ganti dan aksesori, (iv) perakam bunyi atau pengeluar semula, imej televisyen dan perakam bunyi atau pengeluar semula; dan (v) penerima siaran radio dengan perakam bunyi atau pengeluar semula. Walau bagaimanapun, kajian ini juga mendedahkan sebab-akibat dwi-hala antara FDI dan eksport semikonduktor melalui ujian penyebab-Granger. Hal ini disokong kuat oleh beberapa kajian yang menyatakan FDI menggalakkan eksport sebagaimana eksport merangsang FDI. Tambahan pula, permintaan tinggi untuk peranti semikonduktor juga diterjemahkan melalui aliran masuk FDI di mana subsektor ini menjadi penerima utama dalam sektor Pembuatan.

METODOLOGI

Kajian ini bertujuan untuk meneliti lebih lanjut dan mengenal pasti hubungan jangka pendek dan panjang serta menilai kesan aliran FDI, khususnya bagi sektor Pembuatan terhadap eksport E&E di Malaysia. **Sejauh manakah FDI sektor Pembuatan mempengaruhi prestasi eksport E&E di Malaysia?** Data siri masa suku tahunan dari 2008 hingga 2020 telah digunakan dalam kajian ini. Pemboleh ubah yang digunakan adalah FDI sektor Pembuatan dan eksport E&E yang diterbitkan oleh DOSM. Perincian pemboleh ubah dan sumber adalah seperti yang ditunjukkan di **Jadual 1a**. Dalam kajian ini, pemboleh ubah bersandar ialah eksport E&E, manakala FDI sektor Pembuatan adalah pemboleh ubah tak bersandar.

Jadual 1a: Senarai Pembolehubah bagi tempoh ST1 2008 – ST4 2020

Pembolehubah	Keterangan	Sumber
EksportEE	Eksport E&E, (RM)	DOSM
MfgFDI	Sektor Pembuatan dalam FDI, (RM)	DOSM

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Analisis siri masa adalah teknik statistik yang berkaitan dengan data siri masa atau data trend. Andaian penting yang diperlukan untuk analisis siri masa ialah data perlu bersifat statik bagi mengelakkan sebab-akibat palsu (Pesaran dan Shin, 1999; Baumöhl dan Lyócsa, 2009). Bagi memenuhi andaian utama dalam analisis siri masa, ujian *Augmented Dickey-Fuller* (ADF) digunakan untuk menentukan pemboleh ubah statik, manakala ujian *Autoregressive Distributed Lag* (ARDL) dan ujian Penyebab-Granger telah digunakan untuk mengenal pasti kewujudan dalam hubungan kointegrasi antara FDI sektor Pembuatan dan prestasi eksport E&E.

Struktur model persamaan penganggaran adalah seperti di bawah;

$$\Delta y_t = \beta_0 + \beta_1 x_t + \varepsilon_t$$

Di mana Y adalah pemboleh ubah bersandar manakala X adalah vektor bagi pemboleh ubah tak bersandar. Pekali β_0 adalah sebutan pemalar dan ε_t adalah sebutan ralat.

3. PENEMUAN EMPIRIKAL

3.1 Ujian Punca Unit (Unit Root)

Ujian punca unit digunakan mengenalpasti sama ada data siri tersebut adalah pegun. Jika punca unit wujud, ia menunjukkan bahawa siri masa adalah tidak pegun. Augmented Dickey-Fuller (ADF) merupakan ujian statistik yang biasa digunakan untuk mengenal pasti kewujudan punca unit (Chaudhary, 2020).

Jadual 1b: Keputusan ADF bagi Ujian Punca Unit

Pembolehubah	Nilai Kebarangkalian	
	Aras	Perbezaan Pertama
EksportEE	0.9501	0.0000
FDIMfg	0.0000	0.0000

Nota: Berdasarkan pengiraan penulis

Keputusan ujian ADF direkodkan seperti di **Jadual 1b** yang mana menunjukkan pemboleh ubah eksport E&E adalah pegun pada peringkat pembezaan pertama I(1) manakala FDI dalam sektor Pembuatan pegun pada peringkat aras I(0). Dalam erti kata lain, data siri yang digunakan adalah pegun pada tertib yang berbeza. Oleh itu, langkah seterusnya adalah untuk mengkaji kointegrasi di antara pemboleh ubah.

3.2 Autoregressive Distributed Lag (ARDL)

Berdasarkan keputusan analisis sebelum ini, *Autoregressive Distributed Lag* atau ARDL adalah model yang paling sesuai untuk mengenalpasti kewujudan hubungan dan model ini boleh digunakan bagi data siri masa tidak pegun dan juga data siri masa pegun pada tertib yang berbeza (Pesaran dan Shin, 1999; Shrestha dan Bhatta, 2018). Dalam kajian ini, ujian ARDL digunakan untuk mengkaji hubungan jangka pendek dan jangka panjang di antara eksport E&E dan FDI sektor Pembuatan.

Bagi penganggaran model ARDL, panjang lat optimum ditentukan berdasarkan Akaike Information Criterion (AIC), seperti yang dicadangkan oleh Pesaran et al., 2001; Narayan dan Narayan, 2005. Dalam kajian tersebut, model yang terbaik digunakan ialah ARDL (4,4) yang merupakan nilai terkecil yang ditakrifkan oleh AIC.

Keputusan menunjukkan terdapat hubungan jangka pendek di antara eksport E&E dan FDI sektor Pembuatan pada aras 0.05. Seterusnya, hubungan jangka panjang dan ujian sempadan digunakan untuk mengenal pasti kointegrasi jangka panjang antara pemboleh ubah.

Jadual 1c: Statistik Ujian Sempadan

Ujian Statistik	Nilai	Nilai Signifikan	I(0)	I(1)
F-statistik	2.162531	10%	3.02	3.51
		5%	3.62	4.16
		1%	4.94	5.58

Nota: Berdasarkan pengiraan penulis

Hipotesis Nol: Hubungan jangka panjang tidak wujud

Analisis terhadap statistik ujian sempadan menunjukkan keputusan tidak signifikan pada semua aras (1%, 5% atau 10%) jika dibandingkan dengan nilai sempadan bawah dan atas yang mana nilai statistik-F adalah lebih rendah daripada sempadan bawah (**Jadual 1c**). Ini boleh disimpulkan bahawa hubungan kointegrasi jangka panjang tidak wujud di antara pemboleh ubah. Oleh itu, analisis menunjukkan bahawa tiada hubungan antara eksport E&E dan sektor Pembuatan dalam jangka panjang.

3.3 Ujian Penyebab Granger (*Granger causality test*)

Ujian Penyebab Granger dilakukan untuk mengenalpasti hubungan sebab-akibat antara pemboleh ubah dan ujian ini memerlukan kedua-dua data siri bersifat pegun (Granger, 1969). Berdasarkan keputusan anggaran seperti yang dipaparkan dalam **Jadual 1d**. Penyebab-Granger menunjukkan hubungan sehalu daripada eksport E&E kepada FDI dalam sektor Pembuatan. Dalam erti kata lain, bagi kes Malaysia, ia adalah signifikan secara statistik untuk menyimpulkan bahawa eksport E&E penyebab-Granger kepada FDI dalam sektor Pembuatan pada aras keyakinan 5 peratus.

Jadual 1d: Ujian Penyebab-Granger

Hipotesis Nol:	F-statistik	Nilai Kebarangkalian
FDI dalam Pembuatan bukan penyebab Granger kepada eksport E&E	0.52648	0.5944
Eksport E&E bukan penyebab Granger kepada FDI dalam Pembuatan	4.83026	0.0127

Nota: Berdasarkan pengiraan penulis

4. Kesimpulan

Kajian ini menyediakan bukti empirikal baharu mengenai hubungan sebab-akibat antara FDI Malaysia dalam sektor Pembuatan dan eksport E&E bagi tempoh 2008 hingga 2020. Walau bagaimanapun, dapatan menunjukkan bahawa eksport E&E adalah pegun pada pembezaan pertama I(1) manakala FDI dalam sektor Pembuatan adalah pegun pada aras I(0). Hasil daripada model ARDL menunjukkan bahawa terdapat hubungan jangka pendek antara eksport E&E dan FDI dalam sektor Pembuatan. Pada masa yang sama, kajian mendapati bahawa tidak ada kointegrasi jangka panjang antara pemboleh ubah. Ujian Penyebab-Granger menunjukkan penyebab sehalu daripada eksport E&E kepada FDI sektor Pembuatan dalam ekonomi Malaysia. Ini dapat diterangkan dengan kedudukan Malaysia sebagai penyumbang utama perdagangan semikonduktor di seluruh dunia telah menarik minat lebih ramai pelabur asing dalam sektor Pembuatan di Malaysia.

Kajian ini memberi fokus kepada FDI dalam sektor Pembuatan sebagai penentu prestasi eksport E&E di Malaysia. Kajian ini menyarankan penerokaan pemboleh ubah lain seperti Pembentukan Modal Tetap Kasar (PMTK), import barangan perantaraan, kadar pertukaran dan perkhidmatan yang terlibat dalam produk E&E, dan faktor-faktor lain yang menyumbang kepada eksport E&E di Malaysia.

Dengan peningkatan permintaan global dan domestik, ia pasti akan mengambil banyak usaha untuk terus berada di landasan yang betul dengan kerjasama komersial antara syarikat tempatan dan antarabangsa. Selain itu, bantuan langsung seperti pengurangan cukai untuk sektor yang terjejas seperti pelancongan, pengangkutan, dan pembinaan dijangka memberi kesan positif kepada FDI Malaysia pada tahun 2021 pulih ke tahap tertinggi di Asia Tenggara sambil meningkatkan pertumbuhan ekonomi. Langkah-langkah ini perlu dilaksanakan segera untuk menarik lebih banyak syarikat asing dan mengekalkan pelaburan asing sedia ada daripada menghentikan pelaburan mereka di negara ini.

Rujukan

Akaike, H. (1974) "A new look at statistical model identification" IEEE Transactions on Automatic Control, 9, 716-723.

Banga R. (2007). Explaining Asian Outward FDI. Paper presented in ARTNeT Consultative Meeting on Trade and Investment Policy Coordination, 16 –17 July, Bangkok (https://scholar.google.com.tw/scholar?hl=en&as_sdt=0%2C5&q=Explaining+Asian+Outward+FDI%2C+ARTNeTConsultative+Meeting+on+Trade+and+Investment+Policy+Coordination%2C&btnG=)

Baumohl, Eduard and Lyocsa, Stefan (2009). Stationarity of Time Series and the Problem of Spurious Regression, September 30, 2009). Available at SSRN: <https://ssrn.com/abstract=1480682> or <http://dx.doi.org/10.2139/ssrn.1480682>

Chaudhary, M., (2020). Why is Augmented Dickey–Fuller test (ADF Test) so important in Time Series Analysis. Retrieved September 11, 2021 from <https://medium.com/@cmukesh8688/why-is-augmented-dickey-fuller-test-adf-test-so-important-in-time-series-analysis-6fc97c6be2f0>

Double Taxation Agreement Status (2019). Inland Revenue Board of Malaysia (Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia, LHDN). Retrieved September 2, 2021 from http://www.hasil.gov.my/bt_goindex.php?bt_kump=5&bt_skum=5&bt_posi=4&bt_unit=1&bt_sequ=1&bt_lgv=2

Department of Statistics Malaysia, (2021). International Investment Position Q1 2021. Retrieved September 3, 2021 from <https://newss.statistics.gov.my/newss-portalx/ep/epProductCatalogForm.seam?cid=259158>

Department of Statistics Malaysia (DOSM), (2021). Statistics of Foreign Direct Investment in Malaysia 2020. Retrieved September 3, 2021 from <https://newss.statistics.gov.my/newssportalx/ep/epProductCatalogForm.seam?cid=259167>

Department of Statistics Malaysia (DOSM), (2021). Monthly Manufacturing Statistics July 2021. Retrieved September 15, 2021 from <https://newss.statistics.gov.my/newss-portalx/ep/epProductCatalogForm.seam?cid=259192>

Department of Statistics Malaysia (DOSM), (2021). Monthly Principal Statistics of Labour Force, Malaysia, July 2021. Retrieved September 15, 2021 from <https://newss.statistics.gov.my/newss-portalx/ep/epFreeDownloadContentSearch.seam?cid=389266>

Economic Outlook (2021). Retrieved September 5, 2021 from <https://belanjawan2021.treasury.gov.my/pdf/economy/2021/economic-outlook-2021.pdf>

Fook, C. C., (2011). The Factors Influencing Malaysia's Electrical & Electronics (E&E) Exports 1970 – 2010. Master of Business Administration, Universiti Sains Malaysia. Retrieved from http://eprints.usm.my/26984/1/THE_FACTORS_INFLUENCING_MALAYSIA%E2%80%99S_ELECTRICAL_%26_ELECTRONICS.pdf

Granger, C.W.J. (1969). Investigating causal relations by econometric models and cross-spectral models. *Econometrica*, August 1969. Vol. 37, No. 3, pp. 424 – 438.

Global chip demand remains high. Retrieved September 13, 2021 from <https://www.mida.gov.my/mida-news/global-chip-demand-remains-high/>

H. N. Au Yong and Bryan Yeoh (2020). Exchange Rate, Foreign Direct Investment, Inflation and Export Performance in Malaysia. Proceedings of the 2nd Africa-Asia Dialogue Network (AADN), International Conference on Advances in Business Management and Electronic Commerce Research. November 2020, No. 4, pp. 1-5 (<https://doi.org/10.1145/3440094.3440382>)

Incentives for new investments, Malaysia Investment Development Authority (MIDA). Retrieved September 2, 2021 from <https://www.mida.gov.my/setting-up-content/incentives/>

LS. Yee, H. WaiMun, T. Zhengyi, L.J. Ying, and Xin KK., (2016). Determinants of Export: Empirical Study in Malaysia. Journal of International Business and Economics, June 2016, Vol. 4, No. 1, pp. 61-75. <http://jibe-net.com/vol-4-no-1-june-2016-abstract-6-jibe>

Malaysian Investment Development Authority (MIDA). Retrieved September 3, 2021 from <https://www.mida.gov.my/why-malaysia/investment-statistics/>

Maximilian Philip Eltgen, Yan Liu, and Yew Keat Chong (2021). Malaysia - Attracting superstar firms in the electrical and electronics industry through investment promotion.

Mustafa Tahir Demirsel, Adem Ögüt and Mehmet Mucuk (2014). "The Effect Of Foreign Direct Investment On Economic Growth: The Case Of Turkey", Proceedings of International Academic Conferences 0702081, International Institute of Social and Economic Sciences.

Narayan, S. and Narayan, P.K. (2005), An empirical analysis of Fiji's import demand function. Journal of Economic Studies, Vol. 32 No. 2, pp. 158-168. <https://doi.org/10.1108/01443580510600931>

Pesaran M.H. and Shin, Y. (1999). An Autoregressive Distributed Lag Modelling Approach to Cointegration Analysis. Econometrics and Economic Theory in the 20th Century: The Ranger Frisch Centennial Symposium. Cambridge: Cambridge University Press; 1999.

Pesaran, M.H., Shin, Y. and Smith, R.J. (2001). Bounds testing approaches to the analysis of level relationships. Journal of Applied Economics, Vol. 16, pp. 289-326. Retrieved from <https://onlinelibrary.wiley.com/doi/10.1002/jae.616>

S. Thomsen and F. Nicolas (1999). Foreign Direct Investment and Recovery in Southeast Asia: OECD Proceedings Paperback, July 1999. Retrieved from <https://www.oecd.org/investment/investmentfordevelopment/40818364.pdf>

Shrestha, M. B. and Bhatta, G. R., (2018). Selecting Appropriate Methodological Framework for Time Series Data Analysis. The Journal of Finance and Data Science 4 (2018) 71 – 89. Retrieved from <https://doi.org/10.1016/j.jfds.2017.11.001>

World Semiconductor Trade Statistics (2021), The Worldwide Semiconductor Market was up 6.8 percent in 2020 and is expected to show a double-digit growth of 10.9 percent in 2021. Retrieved September 3, 2021 from <https://www.wsts.org/76/103/WSTS-has-published-the-Q4-2020-market-figures>

Wong, K. N., and Tang T. C., (2007). Foreign Direct Investment and Electronics Exports: Exploratory Empirical Evidence from Malaysia's Top Five Electronics Exports. Monash University Malaysia. Article published in Economic Bulletin in May 2007. Retrieved from <http://citeseerx.ist.psu.edu/viewdoc/download?doi=10.1.1.486.3882&rep=rep1&type=pdf>

World Bank Group (2019). Doing Business 2020. Washington, D.C. <https://www.doingbusiness.org/en/reports/global-reports/doing-business-2020>

World Bank Group (2017). Global Investment Competitiveness Report 2017/2018. Doing Business 2020. Washington, D.C. <http://hdl.handle.net/10986/28493>


Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong.

PRESTASI SEKTORAL

Kelapa Sawit

Pengeluaran buah tandan segar pada Disember 2021 menurun sebanyak 11.0 peratus kepada 7,225,727 tan metrik berbanding November 2021 (8,114,872 tan metrik) seperti yang ditunjukkan pada **Carta 3**. Walau bagaimanapun, perbandingan tahun ke tahun menunjukkan peningkatan sebanyak 6.5 peratus berbanding Disember 2020 (6,784,673 tan metrik).

Carta 3: Pengeluaran Buah Tandans Segar, November 2020 – Disember 2021



Sumber: Lembaga Minyak Sawit Malaysia

Pada asas bulanan, purata penghasilan buah tandan segar pada Disember 2021 menurun kepada 1.26 tan metrik/ha berbanding November 2021 (1.41 tan metrik/ha) seperti yang ditunjukkan pada **Jadual 1**. Purata pengeluaran hasil buah tandan segar di Semenanjung Malaysia dan Sabah/Sarawak masing-masing menurun sebanyak 13.9 peratus kepada 1.24 tan metrik/ha (November 2021: 1.44 tan metrik/ha) dan 8.0 peratus kepada 1.27 tan metrik/ha (November 2021: 1.38 tan metrik/ha).


Jadual 1: Purata Penghasilan Buah Tandans Segar mengikut Wilayah, November 2020 - Disember 2021 (tan metrik/ha)

Kawasan	2020		2021											
	Nov	Dis	Jan	Feb	Mac	Apr	Mei	Jun	Jul	Ogos	Sept	Okt	Nov	Dis
Malaysia	1.33	1.19	1.03	0.97	1.20	1.28	1.33	1.35	1.30	1.44	1.45	1.46	1.41	1.26
Semenanjung Malaysia	1.37	1.23	1.02	1.04	1.33	1.40	1.40	1.41	1.42	1.55	1.48	1.51	1.44	1.24
Sabah/ Sarawak	1.29	1.16	1.04	0.91	1.10	1.19	1.27	1.29	1.20	1.35	1.42	1.41	1.38	1.27

Sumber: Lembaga Minyak Sawit Malaysia

Seperti yang ditunjukkan dalam **Carta 4**, produktiviti yang rendah tuaian buah tandan segar menyebabkan pengeluaran di kilang kelapa sawit yang lebih rendah. Pengeluaran minyak sawit mentah dan isirung sawit masing-masing menurun 11.3 peratus (Disember 2021: 1,450,905 tan metrik, November 2021: 1,634,932 tan metrik) dan 9.8 peratus (Disember 2021: 350,493 tan metrik, November 2021: 388,562 tan metrik). Begitu juga, pengeluaran minyak isirung sawit mentah dan dedak isirung masing-masing turut menyusut sebanyak 6.1 peratus (Disember 2021: 168,529 tan metrik, November 2021: 179,565 tan metrik) dan 6.5 peratus (Disember 2021: 188,196 tan metrik, November 2021: 201,245 tan metrik).


Carta 4: Pengeluaran Mengikut Produk Utama Kelapa Sawit, November 2020 - Disember 2021



Sumber: Lembaga Minyak Sawit Malaysia

Eksport minyak sawit pada Disember 2021 menyusut sebanyak 3.5 peratus (1,414,566 tan metrik) berbanding 1,465,518 tan metrik pada November 2021 (**Carta 5**). Eksport tertinggi adalah ke India sebanyak 372,453 tan metrik dengan sumbangan 26.3 peratus daripada jumlah keseluruhan eksport minyak sawit, Ini diikuti oleh China (10.4%), Netherlands (6.9%), Kenya (5.6%) dan Turkey (4.7%).


Carta 5: Eksport Minyak Sawit, November 2020 - Disember 2021



Sumber: Lembaga Minyak Sawit Malaysia

Sementara itu, import minyak sawit dan minyak isirung sawit pada Disember 2021 masing-masing meningkat kepada 102,768 tan metrik, peningkatan sebanyak 5.0 peratus (November 2021: 97,891 tan metrik) dan 49.9 peratus kepada 33,745 tan metrik, (November 2021: 22,512 tan metrik) seperti yang ditunjukkan pada **Carta 6**. Sebaliknya, import isirung sawit menurun sebanyak 62.7 peratus kepada 1,157 tan metrik berbanding bulan sebelumnya (November 2021: 3,103 tan metrik).

Carta 6: Import Mengikut Produk Kelapa Sawit, November 2020 - Disember 2021




Sumber: Lembaga Minyak Sawit Malaysia

Getah

Pengeluaran getah asli menurun 26.8 peratus pada November 2021 (31,577 tan metrik) berbanding pada Oktober 2021 (43,127 tan metrik). Perbandingan tahun ke tahun turut menunjukkan pengeluaran menurun sebanyak 25.8 peratus (November 2020: 42,554 tan metrik) seperti ditunjukkan pada **Carta 7**.

Carta 7: Pengeluaran Getah Asli, Januari 2020 - November 2021




Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Sektor kebun kecil merupakan penyumbang utama kepada pengeluaran getah asli pada November 2021 dengan 89.8 peratus (28,360 tan metrik) dan selebihnya adalah dari sektor estet dengan 10.2 peratus (3,216 tan metrik). Pada asas bulanan, pengeluaran di kedua-dua sektor masing-masing menunjukkan penurunan sebanyak 27.4 peratus dan 21.3 peratus.

Berdasarkan analisis harga purata bulanan, Lateks Pekat merekodkan peningkatan sebanyak 6.2 peratus (November 2021: 553.64 sen sekilogram, Oktober 2021: 521.20 sen sekilogram) dan Skrap sebanyak 1.3 peratus (November 2021: 586.10 sen sekilogram, Oktober 2021: 578.52 sen sekilogram). Trend yang sama turut diperhatikan untuk semua jenis Getah Mutu Malaysia (G.M.M) yang meningkat antara 1.1 hingga 6.1 peratus. Sejalan dengan itu, pergerakan harga global seperti yang dilaporkan oleh *World Bank Commodity Price Data* turut menunjukkan harga bagi getah jenis TSR 20 (*Technically Specified Rubber*) dan SGP/MYS (Singapore/Malaysia) masing-masing meningkat 0.8 peratus (daripada USD1.73/kg kepada USD1.74/kg) dan 3.2 peratus (daripada USD1.87/kg kepada USD1.93/kg).


Carta 8: Harga Purata Bulanan bagi Getah Asli, November 2020 dan Oktober - November 2021



Sumber: Lembaga Getah Malaysia

Jumlah stok getah asli menurun sebanyak 4.2 peratus pada November 2021 kepada 269,757 tan metrik berbanding 281,718 tan metrik pada Oktober 2021 seperti yang ditunjukkan pada **Carta 9**. Manakala, penggunaan domestik juga mencatatkan penurunan 0.4 peratus kepada 43,353 tan metrik berbanding 43,535 tan metrik pada Oktober 2021.

Carta 9: Stok Getah Asli, Januari 2020 – November 2021



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Eksport getah asli Malaysia berjumlah 60,942 tan metrik pada November 2021 menurun 2.0 peratus berbanding Oktober 2021 (62,167 tan metrik). China terus mendominasi sebagai pengimport tertinggi getah asli iaitu 44.6 peratus daripada jumlah keseluruhan eksport pada November 2021 diikuti United States (11.4%), Germany (5.1%), Iran (4.0%) dan Finland (3.7%).

Sarung tangan merupakan eksport utama produk berasaskan getah dengan nilai sebanyak RM2.5 bilion pada November 2021, menurun sebanyak 4.9 peratus berbanding Oktober 2021 (RM2.6 bilion). Negara eksport utama sarung tangan getah ialah United States dengan nilai RM921.6 juta, China (RM115.0 juta) dan Germany (RM138.1 juta) seperti ditunjukkan dalam **Jadual 2**.

Jadual 2: 10 Negara Eksport Tertinggi Sarung Tangan Getah, Oktober dan November 2021

Negara	Kuantiti (Tan metrik)		Nilai (RM juta)	
	Oktober 2021	November 2021	Oktober 2021	November 2021
United States	22,479	22,481	1,001.2	921.6
China	4,387	5,328	107.2	115.0
Germany	4,280	3,811	167.4	138.1
Turkey	1,262	3,699	34.1	77.5
United Kingdom	2,311	3,200	106.8	144.3
Japan	1,978	2,813	98.3	127.7
Brazil	3,216	2,672	74.4	62.3
Netherlands	1,451	2,134	67.7	73.4
Spain	1,264	1,991	49.0	56.2
India	1,839	1,690	39.4	36.4


Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Indeks Pengeluaran Perindustrian (IPP)

Indeks Pengeluaran Perindustrian (IPP) Malaysia pada November 2021 terus mencatatkan pertumbuhan memberangsangkan terutamanya didorong oleh peningkatan kukuh dalam sektor Pembuatan. Permintaan berterusan daripada sektor domestik dan luaran telah merangsang industri pembuatan meskipun menghadapi cabaran kekurangan bekalan serta peningkatan kos pengeluaran.

Indeks Pengeluaran Perindustrian (IPP) pada bulan November 2021 meningkat 9.4 peratus berbanding bulan yang sama pada tahun sebelumnya (**Carta 10**). Pengembangan IPP ini disumbangkan oleh kenaikan 11.3 peratus dalam indeks Pembuatan, 5.1 peratus dalam indeks Elektrik dan 3.7 peratus dalam indeks Perlombongan.

Carta 10: Indeks Pengeluaran Perindustrian, November 2020 – November 2021 (Tahun ke Tahun)



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Sektor Pembuatan yang merupakan komponen terbesar bagi IPP mencatatkan pertumbuhan 11.3 peratus pada November 2021. Output berorientasikan eksport dan domestik masing-masing mencatatkan pertumbuhan sebanyak 12.5 peratus (Oktober 2021: 8.6%) dan 8.8 peratus (Oktober 2021: 6.6%) berbanding tempoh yang sama pada tahun sebelumnya. Penyumbang terbesar kepada output berorientasikan eksport adalah Pembuatan komputer, produk elektronik & optikal, 17.9 peratus (Oktober 2021: 13.4%), Pembuatan kok & produk petroleum bertapis, 15.6 peratus (Oktober 2021: 10.0%) dan Pembuatan kimia & produk kimia, 9.9 peratus (Oktober 2021: 11.3%). Sementara itu, pertumbuhan industri berorientasikan domestik disumbangkan oleh Pembuatan produk makanan, 15.7 peratus (Oktober 2021: 12.6%), diikuti Pembuatan produk logam yang direka, kecuali mesin & kelengkapan, 11.8 peratus (Oktober 2021: 7.6%) dan Pembuatan kertas & produk kertas, 19.5 peratus (Oktober 2021: 17.0%).

IPP bagi beberapa negara rakan dagang utama menunjukkan pertumbuhan positif pada November 2021 seperti Singapore, 14.6 peratus (Oktober 2021: 17.0%), South Korea, 5.9 peratus (Oktober 2021: 4.5%), Japan, 5.4 peratus (Oktober 2021: -4.7%), United States of America (USA), 5.3 peratus (Oktober 2021: 5.3%) dan China, 3.8 peratus (Oktober 2021: 3.5%).


Output sektor Perlombongan bertumbuh 3.7 peratus pada bulan November 2021 berbanding tempoh yang sama pada tahun sebelumnya. Pertumbuhan tersebut disumbangkan oleh peningkatan 10.2 peratus dalam indeks Gas Asli. Sementara itu, indeks Minyak Mentah dan Kondensat menyusut 4.4 peratus.

Pembuatan

Nilai jualan sektor Pembuatan Malaysia pada November 2021 berjumlah RM142.4 bilion, mencatatkan pertumbuhan yang lebih tinggi iaitu 18.8 peratus (Oktober 2021: 15.3%) berbanding bulan yang sama pada tahun 2020 (**Carta 11**). Pertumbuhan nilai jualan dipacu oleh Produk Petroleum, Kimia, Getah & Plastik (29.0%), Produk Makanan, Minuman & Tembakau (20.7%) dan Produk Elektrik & Elektronik (17.8%).

Pada masa yang sama, eksport Malaysia pada bulan November 2021 tumbuh 32.4 peratus berbanding bulan yang sama pada tahun sebelumnya iaitu mencapai nilai RM112.2 bilion. Pengembangan eksport ini ditunjangi oleh eksport Produk Elektrik & Elektronik, Produk Petroleum dan Produk Minyak Sawit & Minyak Berasaskan Pertanian yang kukuh. Eksport ke pasaran utama iaitu ASEAN, European Union (EU) dan Japan masing-masing mencatatkan pertumbuhan dua digit iaitu 39.4 peratus (RM32.9 bilion), 30.9 peratus (RM9.0 bilion) dan 27.3 peratus (RM6.8 bilion). Eksport barangan perkilangan yang menyumbang 85.2 peratus kepada eksport keseluruhan telah meningkat sebanyak 28.2 peratus berjumlah RM95.4 bilion bagi perbandingan tahun ke tahun.

Carta 11: Nilai Jualan Sektor Pembuatan, November 2020 – November 2021



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Berdasarkan Survei Pembuatan Bulanan, jumlah pekerja dalam sektor Pembuatan pada November 2021 adalah seramai 2.25 juta orang, bertambah 2.6 peratus berbanding 2.20 juta orang pada November 2020. Peningkatan jumlah pekerja terutamanya disokong oleh industri Elektrik & Elektronik (5.0%), Kayu, Perabot, Produk Kertas & Percetakan (3.7%) dan Makanan, Minuman & Tembakau (2.3%). Gaji & upah yang dibayar meningkat 4.8 peratus kepada RM7.5 bilion pada November 2021 berbanding bulan yang sama tahun 2020. Sementara itu, purata gaji & upah setiap pekerja meningkat 2.1 peratus kepada RM3,344 berbanding bulan yang sama pada tahun sebelumnya. Pada masa yang sama, nilai jualan per pekerja juga turut meningkat 15.7 peratus kepada RM63,189 (November 2020: RM54,599).

Situasi pandemik COVID-19 di Malaysia kini semakin bertambah baik dan berterusan memberi kesan positif secara langsung kepada industri di negara kita. Walau bagaimanapun, bencana banjir yang melanda Malaysia pada Disember 2021 terutamanya di Selangor dan Pahang dijangka akan memberi kesan yang minima kepada prestasi sektor Pembuatan di Malaysia.


Perdagangan Borong & Runcit

Jualan Perdagangan Borong & Runcit Malaysia bagi bulan November 2021 terus merekodkan jualan tertinggi pada Oktober 2021 (RM116.2 bilion) untuk mencapai RM118.1 bilion. Prestasi memberangsangkan ini disokong oleh harga komoditi yang tinggi, pembukaan semula sektor ekonomi dan kelonggaran aktiviti sosial, termasuk perjalanan merentas negeri.

Prestasi Nilai Jualan

Perdagangan Borong & Runcit mencatatkan peningkatan 7.0 peratus tahun ke tahun, disumbangkan terutamanya oleh subsektor Perdagangan Borong yang mencatatkan pertumbuhan 6.8 peratus atau peningkatan RM3.6 bilion kepada RM56.3 bilion pada November 2021. Perdagangan Runcit juga berkembang 6.7 peratus atau RM3.0 bilion kepada RM47.8 bilion. Dalam tempoh yang sama, Kenderaan Bermotor meningkat 8.6 peratus atau RM1.1 bilion kepada RM13.9 bilion.

Paparan 1: Prestasi Perdagangan Borong & Runcit, November 2021



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia


Untuk perbandingan dengan bulan sebelumnya, nilai jualan Perdagangan Borong & Runcit pada November 2021 meningkat 1.6 peratus, disokong oleh Perdagangan Runcit dan Perdagangan Borong.

Prestasi Kenderaan Bermotor

Pertumbuhan 8.6 peratus dalam subsektor Kenderaan Bermotor pada bulan ini disumbangkan oleh Jualan Kenderaan Bermotor yang terus mencatatkan pertumbuhan dua digit sebanyak 11.8 peratus atau RM0.9 bilion kepada RM8.1 bilion. Ini diikuti oleh Jualan, Penyelenggaraan & Pembaikan Motosikal dengan 9.4 peratus untuk mencatatkan RM1.2 bilion. Begitu juga Jualan Alat Ganti & Aksesori Kenderaan Bermotor dan Penyelenggaraan & Pembaikan Kenderaan Bermotor juga kembali pulih untuk mencatatkan pertumbuhan positif masing-masing dengan 2.9 peratus dan 4.0 peratus.

Walau bagaimanapun, bagi perbandingan bulanan, jualan subsektor ini menurun 1.9 peratus disebabkan oleh Jualan Kenderaan Bermotor yang mencatatkan penurunan 10.4 peratus, kesan daripada kekurangan cip dan beberapa jenis komponen kenderaan bermotor.

Carta 12: Prestasi Subsektor Kenderaan Bermotor, November 2021




Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Prestasi Perdagangan Runcit

Pertumbuhan 6.7 peratus bagi Perdagangan Runcit disumbangkan oleh Jualan Runcit di Kedai Bukan Pengkhususan yang mencatatkan peningkatan 9.9 peratus atau RM1.6 bilion kepada RM17.7 bilion. Begitu juga, kumpulan lain dalam subsektor ini turut mencatatkan pertumbuhan positif iaitu Jualan Runcit Bahan Api Kenderaan 18.2 peratus, Jualan Runcit Barangan Isi Rumah 6.4 peratus, Jualan Runcit Makanan, Minuman & Tembakau 9.1 peratus, Jualan Runcit Bukan di Kedai, Gerai atau Pasar 28.4 peratus, Jualan Runcit Barangan Kesenian & Rekreasi 4.5 peratus, Jualan Runcit Kelengkapan Informasi & Komunikasi 0.8 peratus, dan Jualan Runcit di Gerai & Pasar 11.6 peratus. Namun begitu, Jualan Runcit di Kedai Khusus yang Menjual Barangan Lain kekal negatif untuk bulan keenam berturut-turut untuk mencatatkan negatif 1.0 peratus (**Carta 13**).

Bagi perbandingan bulanan, Perdagangan Runcit meningkat 3.4 peratus dengan semua kumpulan dalam subsektor ini mencatatkan pertumbuhan positif.

Carta 13: Prestasi Subsektor Perdagangan Runcit, November 2021




Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Prestasi Perdagangan Borong

Pertumbuhan subsektor Perdagangan Borong sebanyak 6.8 peratus pada November 2021 disokong oleh Lain-lain Pengkhususan Jualan Borong yang meningkat 7.6 peratus atau RM1.6 bilion kepada RM22.1 bilion. Ini diikuti oleh Jualan Borong Makanan, Minuman & Tembakau dengan 11.2 peratus untuk merekodkan RM11.4 bilion. Begitu juga, Jualan Borong Bahan Mentah Pertanian & Haiwan Hidup juga meningkat 15.5 peratus kepada RM4.7 bilion, didorong oleh harga komoditi yang lebih tinggi seperti di **Carta 14**.

Bagi perbandingan dengan bulan sebelumnya, jualan subsektor ini meningkat 1.0 peratus pada November 2021.

Carta 14: Prestasi Subsektor Perdagangan Borong, November 2021




Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Prestasi Indeks Volum

Manakala bagi indeks volum, Perdagangan Borong & Runcit mencatatkan pertumbuhan tahun ke tahun sebanyak 2.9 peratus. Pengembangan itu disumbangkan oleh Kenderaan Bermotor yang meningkat 5.2 peratus, diikuti oleh Perdagangan Runcit dengan 3.3 peratus. Begitu juga, Perdagangan Borong turut mencatatkan pertumbuhan positif sebanyak 1.4 peratus. Sementara itu, indeks volum pelarasan musim meningkat 1.6 peratus bulan ke bulan (**Carta 15**).

Carta 15: Prestasi Indeks Volum Sektor Perdagangan Borong & Runcit, November 2021



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Indeks Nilai Jualan bagi Negara-Negara Terpilih

Jadual 3: Indeks Nilai Jualan bagi Negara-negara Terpilih, November 2021 (Tahun ke Tahun)

Singapore	Hong Kong	United Kingdom	Republic of Korea	Indonesia
3.9	6.7	3.2	4.6	10.8

Sumber: Laman web rasmi agensi statistik negara terpilih

Melihat kepada prestasi jualan runcit di negara terpilih yang lain, Singapore, Hong Kong, United Kingdom, South Korea dan Indonesia mencatatkan pertumbuhan positif pada November 2021 seperti di **Jadual 3**. Singapore melaporkan pertumbuhan 3.9 peratus tahun ke tahun, terutamanya disumbangkan oleh harga petrol lebih tinggi yang mendorong pertumbuhan pada kumpulan stesen minyak. Begitu juga, pertumbuhan 6.7 peratus bagi Hong Kong disumbangkan oleh skim baucar elektronik diberikan oleh kerajaan sebanyak HK\$36 bilion (AS\$4.6 bilion) yang terus mengekalkan pemulihan pada November 2021. Dalam tempoh yang sama, jualan runcit UK meningkat 3.2 peratus pada November, dipengaruhi oleh diskaun Black Friday, pembelian awal bagi perayaan Krismas dan ketiadaan sekatan bagi penutupan premis jualan berbanding setahun sebelumnya. Di Korea Selatan, jualan runcit meningkat 4.6 peratus tahun ke tahun pada November 2021, susut daripada kenaikan 7.4 peratus pada bulan sebelumnya, dan menandakan kenaikan bulan kesepuluh berturut-turut bagi jualan runcit. Sementara itu, jualan runcit Indonesia berkembang 10.8 peratus pada November 2021 untuk mencapai 199.7 mata, paras tertinggi sejak Mei 2021, bulan sebelum varian Delta menjejaskan negara itu.

Prospek Disember 2021

Melihat ke hadapan bagi prestasi Perdagangan Borong & Runcit pada Disember 2021, sektor ini dijangka terus mencatat pertumbuhan positif tahun ke tahun walaupun banjir di luar jangka melanda beberapa negeri termasuk Selangor pada pertengahan bulan Disember. Pemintaan Jualan Alat Ganti & Aksesori Kenderaan Bermotor serta Penyelenggaraan & Pembaikan Kenderaan Bermotor dijangka mendapat manfaat daripada bencana banjir ini kerana bengkel dipenuhi dengan bilangan kenderaan yang menunggu untuk dibaiki. Sementara itu, Jualan Kenderaan Bermotor dijangka kekal pada tahap bulan November, kerana pelanggan mungkin menangguhkan pembelian kenderaan baharu walaupun terdapat kempen promosi akhir tahun memandangkan insentif pengecualian cukai jualan telah dilanjutkan sehingga bulan Jun 2022.


Perdagangan Barangan

Malaysia mencapai kadar vaksinasi COVID-19 yang lebih tinggi menjelang akhir November 2021 dengan 96.9 peratus populasi dewasa telah lengkap divaksin sepenuhnya, manakala dalam kalangan remaja mencapai 86.1 peratus. Seiring dengan kemajuan vaksinasi, kes bulanan baharu COVID-19 turut menurun kepada 161,140 kes pada November 2021 berbanding 225,947 kes pada Oktober 2021, menyumbang kepada peralihan hampir kesemua negeri kecuali Kelantan dan Sarawak ke Fasa 4 Pelan Pemulihan Negara (PPN). Perdagangan Malaysia meneruskan prestasi mantap pada November 2021 dengan jumlah perdagangan meningkat 34.9 peratus kepada RM205.5 bilion berbanding RM152.3 bilion pada November 2020. Eksport meningkat 32.4 peratus kepada RM112.2 bilion berbanding November 2020, manakala import menokok 38.0 peratus kepada RM93.3 bilion. Imbangan perdagangan merekodkan lebih RM18.9 bilion, dengan peningkatan 10.5 peratus berbanding tempoh yang sama tahun lalu. Berdasarkan bulan ke bulan, import dan jumlah perdagangan masing-masing mencatatkan pertumbuhan positif 5.9 peratus dan 1.5 peratus, manakala eksport dan lebih dagangan masing-masing menguncup 1.9 peratus dan 28.1 peratus.

Peningkatan eksport disumbangkan terutamanya oleh kenaikan eksport barangan ke United States of America (USA) yang meningkat RM3.3 bilion, diikuti oleh China (+RM2.9 bilion), Singapore (+RM2.6 bilion), Viet Nam (+RM2.5 bilion) dan European Union (EU) (+RM2.1 bilion). Manakala kenaikan dalam import pula dipacu oleh peningkatan import barangan dari China (+RM4.9 bilion), Singapore (+RM3.1 bilion), E.U. (+RM2.9 bilion), Republic of (+RM2.5 bilion) dan Indonesia (+RM2.4 bilion). China, Singapore, USA dan EU kekal sebagai rakan dagangan utama Malaysia pada November 2021 dengan jumlah sumbangan 48.5 peratus (November 2020: 50.4%).


Eksport barangan Malaysia terus mengekalkan trend pertumbuhan ketara pada November 2021 dengan peningkatan 32.4 peratus tahun ke tahun kepada RM112.2 bilion daripada RM84.7 bilion. Peningkatan ini ditunjangi oleh kenaikan eksport Barangan elektrik & elektronik (E&E) (+RM5.9 bilion, +17.4%), Keluaran petroleum bertapis (+RM5.3 bilion, +140.9%) dan Minyak kelapa sawit & hasil keluaran berasaskan minyak kelapa sawit (+RM5.2 bilion, +89.7%) ditunjukkan dalam **Carta 16**. Sebaliknya, Petroleum mentah kembali mencatatkan kejatuhan RM209.3 juta (-13.4%) setelah dua bulan berturut-turut mencatatkan peningkatan. Sementara itu, Sarung tangan getah mengekalkan trend penurunan dengan RM2.0 bilion (-44.0%). Barangan E&E, Minyak kelapa sawit & hasil keluaran berasaskan minyak kelapa sawit dan Keluaran petroleum bertapis mendominasi eksport Malaysia pada November 2021 dengan jumlah sumbangan 53.6 peratus (November 2020: 51.6%).

Carta 16: Prestasi Eksport Malaysia mengikut 10 Barang Utama dan Terpilih, November 2021 (Perubahan Peratusan Tahunan)



Import terus melonjak pada November 2021 dengan pertumbuhan 38.0 peratus kepada RM93.3 bilion berbanding RM67.6 bilion pada November 2020. Kenaikan ini dipacu terutamanya oleh peningkatan import Barangan E&E dan Keluaran petroleum bertapis yang masing-masing meningkat RM8.5 bilion (+39.0%) dan RM4.9 bilion (+112.3%) seperti di **Carta 17**. Pada masa yang sama, Petroleum mentah merekodkan peningkatan ketara RM807.7 juta (+131.7%) pada November 2021 berbanding penurunan RM499.5 juta (-46.0%) yang dicatatkan pada Oktober 2021. Sebaliknya, Emas, bukan bentuk wang kembali merekodkan prestasi negatif dengan penurunan RM268.4 juta (-18.0%) selepas menunjukkan peningkatan pada dua bulan yang lepas. Produk utama import Malaysia pada November 2021 ialah Barangan E&E, Keluaran petroleum bertapis dan Keluaran besi gelek rata atau keluli dengan sumbangan kumulatif 44.3 peratus (November 2020: 40.4%).


Carta 17: Prestasi Import Malaysia mengikut 10 Barang Utama dan Terpilih, November 2021 (Perubahan Peratusan Tahunan)



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Eksport dan import oleh rakan dagangan utama terus menunjukkan peningkatan pada November 2021 seiring dengan pertumbuhan ekonomi dan pemulihan kesihatan global seperti di **Carta 18**. Kebanyakan negara menunjukkan prestasi import yang lebih baik berbanding eksport kecuali USA dan Hong Kong.

Carta 18: 10 Rakan Dagangan Utama Malaysia, November 2021 (Perubahan Peratusan Tahunan)



Sumber: Laman web rasmi agensi statistik negara terpilih


Statistik perdagangan antarabangsa mengikut negeri bagi bulan rujukan November 2021 menunjukkan peningkatan dalam jumlah dagangan RM53.2 bilion atau 34.9 peratus kepada RM205.5 bilion, tahun ke tahun. Peningkatan jumlah dagangan disumbangkan oleh prestasi yang memberangsangkan dari kebanyakan negeri terutamanya Selangor meningkat RM11.0 bilion (+32.2%), diikuti oleh Johor RM11.0 bilion (+35.2%), Pulau Pinang RM10.4 bilion (+24.2%), Kedah RM4.8 bilion (+76.8%), Sarawak RM3.8 bilion (+54.9%), W.P. Kuala Lumpur RM3.4 bilion (+46.5%), Negeri Sembilan RM2.1 bilion (+57.2%), Sabah RM2.0 bilion (+85.4%), Pahang RM1.9 bilion (+47.8%), Melaka RM869.9 juta (+19.3%), W.P. Labuan RM844.2 juta (+144.1%), Perak RM787.6 juta (+14.7%) dan Perlis RM33.7 juta (+22.3%). Walau bagaimanapun, penurunan jumlah dagangan direkodkan di Terengganu RM241.5 juta (-16.6%) dan Kelantan RM48.2 juta (-10.0%) seperti di **Paparan 2**.

Jumlah eksport meningkat sebanyak RM27.5 bilion atau 32.4 peratus kepada RM112.2 bilion berbanding tempoh yang sama tahun lalu. Peningkatan didorong oleh eksport yang lebih tinggi terutamanya oleh Selangor (+RM6.3 bilion), Johor (+RM5.3 bilion), Pulau Pinang (+RM4.4 bilion), Sarawak (+RM3.1 bilion), Kedah (+RM2.1 bilion), Sabah (+RM1.8 bilion), Pahang (+RM1.6 bilion), W.P. Kuala Lumpur (+RM1.2 bilion), Melaka (+RM904.8 juta), W.P. Labuan (+RM692.5 juta), Perak (+RM254.0 juta), Negeri Sembilan (+RM245.8 juta) dan Perlis (+RM11.2 juta). Walau bagaimanapun, eksport menyusut di Terengganu (-RM346.6 juta) dan Kelantan (-RM42.5 juta).

Pada masa yang sama, import juga meningkat RM25.7 bilion (+38.0%) berbanding tahun sebelumnya. Peningkatan import yang lebih tinggi disebabkan oleh import dari Pulau Pinang (+RM6.0 bilion), Johor (+RM5.6 bilion), Selangor (+RM4.7 bilion), Kedah (+RM2.7 bilion), W.P. Kuala Lumpur (+RM2.2 bilion), Negeri Sembilan (+RM1.8 bilion), Sarawak (+RM749.8 juta), Perak (+RM533.7 juta), Pahang (+RM305.5 juta), Sabah (+RM260.5 juta), W.P. Labuan (+RM151.6 juta), Terengganu (+RM105.1 juta) dan Perlis (+RM22.4 juta). Walau bagaimanapun, import menurun di Melaka (-RM34.9 juta) dan Kelantan (-RM5.7 juta).

Lima negeri kekal menguasai eksport negara dengan menyumbang 79.4 peratus daripada jumlah eksport. Pulau Pinang kekal sebagai pengekspor utama dengan sumbangan 28.2 peratus, diikuti oleh Johor (20.6%), Selangor (19.0%), Sarawak (7.6%) dan Kedah (4.0%). Sementara itu, bagi import, Selangor kekal sebagai penyumbang utama dengan 25.6 peratus, diikuti oleh Pulau Pinang (23.3%), Johor (20.3%), W.P. Kuala Lumpur (7.5%) dan Kedah (7.1%).

Paparan 2: Eksport dan Import mengikut Negeri, November 2020 and 2021



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Nota:

- Aktiviti eksport dan import yang berlaku di kawasan Supra (merangkumi aktiviti pengeluaran yang melangkaui pusat kepentingan ekonomi utama bagi mana-mana negeri) atau periklanan yang dilakukan oleh ejen penghantar tidak termasuk dalam infografik ini.
- Nilai eksport dan import bagi W.P. Kuala Lumpur adalah termasuk W.P. Putrajaya.

Prestasi eksport Malaysia kekal kukuh pada Disember 2021 dengan nilai eksport melebihi RM100 bilion, bulan keempat berturut-turut sejak September 2021, seiring dengan aktiviti ekonomi luaran dan domestik yang menggalakkan. Eksport pada Disember 2021 sekali lagi mencatat rekod baharu, mencecah RM123.8 bilion dan berkembang 29.2 peratus, tahun ke tahun. Pada masa yang sama, import juga mencatatkan pertumbuhan kukuh 23.6 peratus kepada RM92.9 bilion berbanding Disember 2020. Selaras dengan prestasi kukuh eksport dan import, jumlah dagangan melonjak 26.8 peratus kepada RM216.7 bilion berbanding bulan yang sama tahun 2020, menjadikan jumlah dagangan tertinggi yang pernah direkodkan iaitu RM2.2 trilion pada tahun 2021. *Handbook of Statistics for 2021* oleh United Nations Conference on Trade and Development (UNCTAD) yang diterbitkan pada 9 Disember 2021 mengunjurkan nilai dagangan barangan global bertumbuh kukuh 22.4 peratus pada 2021 berbanding 2020, menyumbang kepada 15.0 peratus lebih tinggi berbanding sebelum pandemik.

Senario Buruh


November 2021 merekodkan peralihan lima lagi negeri ke fasa keempat PPN iaitu Perlis, Perak, Pulau Pinang, Sabah dan Kedah. Pembukaan semula lebih banyak perniagaan dan aktiviti sosial serta pelanjutan tempoh beroperasi pada fasa keempat telah mendorong kepada peningkatan peluang pekerjaan terutamanya dalam aktiviti Perdagangan borong dan runcit serta Penginapan dan Makanan & minuman. Tambahan pula, kadar vaksinasi penduduk Malaysia telah meningkat kepada 77.8 peratus pada bulan tersebut berikutan usaha berterusan dalam mempromosikan vaksinasi COVID-19. Situasi yang memberangsangkan ini telah membawa kepada peningkatan dalam aktiviti pelancongan domestik dan luar negara. Oleh itu, kedudukan tenaga buruh pada November 2021 kekal stabil dengan guna tenaga terus meningkat sementara pengangguran berkurang berikutan pengoperasian semula lebih banyak aktiviti ekonomi dan sosial yang merangsang kesan positif kepada pasaran buruh.

Melihat kepada kedudukan guna tenaga pada November 2021, bilangan penduduk bekerja terus meningkat 0.4 peratus atau 55.7 ribu orang kepada 15.61 juta penduduk bekerja (Oktober 2021: 15.55 juta orang). Perbandingan tahun ke tahun, bilangan tersebut turut meningkat 2.7 peratus atau 414.2 ribu penduduk bekerja (November 2020: 15.20 juta orang).

Analisis berdasarkan aktiviti ekonomi menunjukkan penduduk bekerja di sektor Perkhidmatan kekal dalam trend meningkat sebahagian besarnya dalam Perdagangan borong dan runcit; Perkhidmatan makanan & minuman; dan Pengangkutan & penyimpanan. Begitu juga, sektor Pembuatan dan Pembinaan mencatatkan kenaikan dalam guna tenaga, manakala sektor Pertanian dan Perlombongan & pengkuarian terus menurun. Selain itu, pembukaan semula aktiviti ekonomi pada bulan tersebut juga telah menyebabkan peningkatan dalam permintaan buruh, termasuk industri berkaitan pelancongan seperti aktiviti Penginapan dan Kesenian, hiburan & rekreasi.

Nisbah guna tenaga kepada penduduk yang menunjukkan keupayaan sesebuah ekonomi untuk mewujudkan pekerjaan naik 0.2 mata peratus kepada 66.0 peratus pada November 2021 (Oktober 2021: 65.8%). Sementara itu, tahun ke tahun, nisbah ini naik 0.9 mata peratus (November 2020: 65.1%) seperti ditunjukkan pada **Carta 19**.


Carta 19: Penduduk Bekerja dan Nisbah Guna Tenaga kepada Penduduk, Januari 2018 - November 2021



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Berdasarkan status pekerjaan, kategori pekerja yang merangkumi 76.9 peratus daripada jumlah penduduk bekerja kekal pada trend meningkat, merekodkan pertumbuhan positif 0.2 peratus (+27.1 ribu orang) pada November 2021 kepada 12.0 juta orang (Oktober 2021: 11.97 juta orang). Pada masa yang sama, kategori penduduk bekerja sendiri yang terlibat dalam pelbagai bentuk pekerjaan meliputi pekerjaan tradisional sebagai pekebun, peruncit dan penjaja serta pekerjaan profesional seperti perunding dan *freelancers* meningkat 0.8 peratus (+20.1 ribu orang) mencatatkan 2.63 juta orang (Oktober 2021: 2.61 juta orang) seperti ditunjukkan pada **Carta 20**.

Carta 20: Penduduk Bekerja mengikut Taraf Pekerjaan, Oktober dan November 2021




Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Memandangkan kebanyakan negeri berada dalam fasa keempat PPN dengan pelonggaran prosedur operasi standard pada November 2021, bilangan penduduk bekerja yang tidak bekerja buat sementara waktu kekal dalam pertumbuhan negatif merekodkan 112.2 ribu orang berbanding 122.7 ribu orang pada bulan sebelumnya. Perbandingan dengan bulan yang sama pada 2020 menunjukkan bilangan penduduk bekerja dalam kategori ini turun 29.8 ribu orang (November 2020: 142.0 ribu orang). Kumpulan ini yang tidak dapat bekerja pada bulan tersebut tidak dikategorikan sebagai penganggur kerana mereka mempunyai pekerjaan untuk kembali bekerja.

Dalam pada itu, November 2021 menyaksikan bilangan penganggur berkurang kepada paras di bawah 700 ribu orang buat pertama kalinya, mencatatkan bilangan terendah sejak Mac 2020. Bilangan penganggur jatuh 1.5 peratus (-10.6 ribu orang) bulan ke bulan kepada 694.4 ribu orang (Oktober 2021: 705.0 ribu orang). Kadar pengangguran pada November 2021 tidak berubah pada kadar 4.3 peratus, disebabkan lebih ramai yang berada dalam kumpulan tidak aktif telah menyertai tenaga buruh dan sedang mencari pekerjaan.

Tahun ke tahun, bilangan penganggur jatuh 9.2 peratus atau bersamaan dengan pengurangan 70.0 ribu orang (November 2020: 764.4 ribu orang). Seiring dengan itu, kadar pengangguran turun 0.5 mata peratus daripada 4.8 peratus yang direkodkan pada November 2020 (**Carta 21**).


Carta 21: Penganggur dan Kadar Pengangguran, 1982 - 2020 dan Januari 2020 - November 2021



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Daripada jumlah pengangguran pada November 2021, 83.8 peratus dikelaskan sebagai penganggur aktif atau mereka yang bersedia untuk bekerja dan aktif mencari pekerjaan. Kategori ini turun 1.3 peratus (-7.8 ribu orang) kepada 581.8 ribu orang (Oktober 2021: 589.5 ribu orang). Bagi tempoh pengangguran pula, lebih daripada separuh (55.7%) menganggur kurang daripada tiga bulan manakala 7.8 peratus dalam pengangguran jangka panjang melebihi setahun. Selain itu, mereka yang dikategorikan sebagai penganggur tidak aktif atau percaya tiada pekerjaan tersedia turun 2.5 peratus atau 2.8 ribu orang merekodkan 112.6 ribu orang (Oktober 2021: 115.4 ribu orang) seperti ditunjukkan pada **Carta 22**.

Carta 22: Kategori Penganggur dan Tempoh Menganggur, Oktober dan November 2021




Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Peningkatan lebih tinggi dalam guna tenaga serta penurunan pengangguran telah menyebabkan bilangan tenaga buruh bertambah 45.1 ribu orang atau 0.3 peratus bulan ke bulan kepada 16.30 juta orang pada November 2021 (Oktober 2021: 16.26 juta orang). Justeru, kadar penyertaan tenaga buruh (KPTB) naik 0.1 mata peratus kepada 68.9 peratus (Oktober 2021: 68.8%).

Peningkatan yang lebih besar iaitu 2.2 peratus atau 344.2 ribu orang dilihat dalam bilangan tenaga buruh berbanding 15.96 juta orang pada November 2020. Sementara itu, KPTB melonjak 0.5 mata peratus tahun ke tahun daripada 68.4 peratus (**Carta 23**).


Carta 23: Tenaga Buruh dan KPTB, 1982 - 2020 dan Januari 2020 - November 2021



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Pada November 2021, bilangan luar tenaga buruh yang juga dikenali sebagai kumpulan tidak aktif terus menurun 0.3 peratus (-20.1 ribu orang), mencatatkan 7.34 juta orang (Oktober 2021: 7.36 juta orang). Begitu juga perbandingan dengan bulan yang sama tahun sebelumnya, bilangan luar tenaga buruh berkurang 0.4 peratus atau 30.4 ribu orang dari 7.37 juta orang. Lebih daripada 80 peratus penduduk di luar tenaga buruh adalah disebabkan bersekolah/ latihan (42.2%) dan kerja rumah/ tanggungjawab keluarga (41.1%) seperti ditunjukkan pada **Carta 24**.

Carta 24: Peratus Sumbangan Penduduk Luar Tenaga Buruh mengikut Sebab Tidak Mencari Pekerjaan, Oktober dan November 2021



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia


Memandangkan kebanyakan aktiviti ekonomi dan sosial telah beroperasi dengan patuhan kepada prosedur operasi standard pada fasa keempat PPN, lebih banyak peluang pekerjaan dijangkakan, mengambil kira majikan telah mula beroperasi semula dalam kapasiti penuh. Oleh itu, pencari kerja yang merangkumi kemasukan baharu, penganggur dan mereka yang kehilangan pekerjaan dapat mengisi jawatan tersebut dan seterusnya mengukuhkan pasaran buruh pada bulan-bulan akan datang. Tambahan pula, wabak COVID-19 dilihat semakin pulih dengan penurunan purata kes harian manakala mereka yang telah menerima vaksinasi penuh telah mencapai kadar 78.6 peratus setakat 11 Januari 2021. Namun begitu, pewujudan varian baharu iaitu Omicron mungkin akan memberikan cabaran kepada pemulihan pasaran buruh. Dalam perkembangan lain, bencana banjir yang telah melanda kawasan tengah, pantai timur dan selatan negara baru-baru ini mungkin memberi impak kepada pasaran buruh namun ianya dijangka lebih bersifat setempat.

Indeks Harga Pengguna

Pada November 2021, inflasi menunjukkan peningkatan 3.3 peratus melepasi paras purata jangka panjang inflasi iaitu 1.6 peratus. Peningkatan keseluruhan ini telah didorong oleh kenaikan indeks bagi lima kumpulan utama iaitu Pengangkutan (12.7%); Perumahan, Air, Elektrik, Gas & Bahan Api Lain (3.4%); Makanan & Minuman Bukan Alkohol (2.7%); Hiasan, Perkakasan & Penyelenggaraan Isi Rumah (2.6%) dan Restoran & Hotel (0.9%).

Sementara itu, peningkatan marginal sebanyak 0.2 peratus direkodkan dalam Perkhidmatan Rekreasi & Kebudayaan dan Kesihatan, manakala Minuman Alkohol & Tembakau meningkat 0.3 peratus dan diikuti oleh Pendidikan dan Pelbagai Barangan & Perkhidmatan, kedua-duanya meningkat sebanyak 0.1 peratus berbanding tahun sebelumnya. Komunikasi kekal tidak berubah, manakala Pakaian & Kasut menurun 0.4 peratus (**Carta 25**).


Carta 25: IHP Keseluruhan, Pengangkutan dan Makanan & Minuman Bukan Alkohol, November 2020 - November 2021 (Tahun ke Tahun)



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Peningkatan dua-digit bagi kumpulan Pengangkutan pada November 2021 adalah disebabkan oleh penetapan harga bahan api domestik (Petrol RON95 dan Diesel) oleh kerajaan pada Mac 2021. Harga purata Petrol Tanpa Plumbum RON95 meningkat kepada RM2.05 per liter berbanding RM1.63, sementara harga purata Petrol Tanpa Plumbum RON97 meningkat kepada RM3.06 per liter berbanding RM1.93 dan harga purata Diesel meningkat kepada RM2.15 per liter daripada RM1.75 pada bulan yang sama tahun sebelumnya (**Carta 26**).

Carta 26: Purata Harga Bahan Api, November 2020 - November 2021



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

